




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN JABATAN/
AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
PAHANG

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2016**

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI PAHANG
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia


Kandungan

The background features a complex geometric design. The top-left corner is a dark olive green triangle. The rest of the page is white, with several overlapping geometric shapes in various shades of olive green and grey. A thin, light-colored line underlines the word 'Kandungan' and extends to the right, where it turns 90 degrees downwards.

KANDUNGAN

| | |
|-----|--|
| vii | KATA PENDAHULUAN |
| xi | INTISARI LAPORAN |
| | <u>BAHAGIAN I</u> |
| | AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI |
| 3 | PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PAHANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN Pengurusan Hasil Cukai Tanah |
| 34 | MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH MAJLIS DAERAH ROMPIN Pengurusan Cukai Taksiran |
| 56 | MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG MUIP Urus Sdn. Bhd. |
| | <u>BAHAGIAN II</u> |
| | PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI |
| 75 | Pendahuluan |
| 75 | Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan/Agensi Negeri |
| 76 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti |
| 76 | Objektif Pengauditan |
| 77 | Skop dan Metodologi Pengauditan |
| 78 | Elemen Utama |
| 90 | Penemuan Audit |
| 97 | Pengauditan Mengejut |
| 100 | Syor Audit |
| 105 | PENUTUP |

Kata Pendahuluan



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di tiga Jabatan, dua Agensi Negeri dan satu Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di 16 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 15 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 18 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PAHANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN

1. *Pengurusan Hasil Cukai Tanah*

- a. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuantan dan PDT Rompin bertanggungjawab terhadap pengurusan hasil cukai tanah di daerah masing-masing. Hasil cukai merangkumi cukai tanah semasa, cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai dan denda lewat. Aktiviti di PDT adalah seperti urusan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Bayaran cukai tanah dan denda dikutip mengikut Kaedah Tanah Pahang 1992. Sehingga bulan Jun 2016 terdapat 626,505 hak milik tanah di negeri Pahang yang dikenakan cukai. Jumlah hasil cukai tanah tahunan yang dikutip bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 adalah berjumlah RM95.37 juta, RM102.70 juta, RM130.41 juta dan RM108.82 juta. Kutipan hasil cukai tanah merupakan penyumbang yang tertinggi kepada hasil kerajaan negeri iaitu sejumlah RM437.30 juta bagi tempoh berkenaan. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG) dan PDT menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi semua urusan mendaftarkan hak milik tanah dan Sistem Hasil Tanah Berkomputer (SHTB) pula bagi urusan kutipan hasil cukai tanah. Berdasarkan data SPTB sehingga bulan Jun 2016, bilangan hak milik yang berdaftar bagi PDT Kuantan adalah sebanyak 173,812 hak milik dan PDT Rompin pula sebanyak 36,384 hak milik. Bagi memudahkan urusan pembayaran cukai tanah, PTG juga memperkenalkan kaedah pembayaran secara *online* iaitu melalui FPX mulai tahun 2008 dan CIMB *Clicks* pada tahun 2012 serta kutipan hasil di kaunter *Urban Transformation Centre* Kuantan (UTC).
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati pengurusan hasil cukai tanah adalah memuaskan seperti peningkatan jumlah kutipan cukai tanah untuk setiap tahun melalui pembayaran secara *online* bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 yang berjumlah RM2.63 juta. Selain itu, penyemakan kadar cukai tanah juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian iaitu:
 - i. tunggakan hasil cukai tanah dan denda tidak dikutip;
 - ii. cukai tanah bagi tanah pajakan tidak dikutip;

- iii. penangguhan pindaan kadar cukai tanah tidak diwartakan; dan
 - iv. pindaan cukai tanah tidak mengikut kadar dan pewartaan kenaikan taraf kawasan tidak dilaksanakan.
- c. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan hasil cukai tanah di PTG dan PDT, pihak Audit mengesyorkan supaya melaksanakan perkara seperti berikut:
- i. melaksanakan promosi bersesuaian kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai tanah;
 - ii. penguatkuasaan dan pemantauan oleh PTG dan PDT perlu dilaksanakan terhadap pemilik tanah yang mempunyai tunggakan tinggi dan tempoh tunggakan yang lama bagi mengelakkan tunggakan cukai tanah semakin meningkat;
 - iii. endorsan pajakan tanah perlu dilaksanakan dengan segera selepas perjanjian ditandatangani supaya cukai tanah dapat dikutip; dan
 - iv. pindaan cukai tanah dan pewartaan penangguhan pindaan cukai perlu dibuat mengikut arahan yang ditetapkan.

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH MAJLIS DAERAH ROMPIN

2. Pengurusan Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran perlu dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kecuali bagi harta-harta seperti tempat keagamaan yang diiktiraf, tanah-tanah perkuburan, sekolah awam dan tempat awam bagi maksud sains, sastera atau seni halus. Cukai taksiran juga dikenali dengan cukai harta atau cukai pintu ialah cukai yang dikenakan terhadap semua hartanah di dalam kawasan PBT yang merangkumi rumah kediaman, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, tanah kosong, ladang dan sebagainya. Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pengurusan cukai taksiran di PBT adalah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan. Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) mempunyai keluasan kawasan perkadaran 156 kilometer (km) persegi atau 6.93% daripada 2,251 km persegi daerah Temerloh pada tahun 2016. Manakala Majlis Daerah Rompin (MDR) mempunyai keluasan kawasan perkadaran 353.06 km persegi atau 8.02% daripada 4,404.24 km persegi daerah Rompin pada tahun 2016. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, cukai taksiran semasa yang dipungut adalah berjumlah RM26.80 juta bagi MPT dan RM7.48 juta bagi MDR. Manakala bilangan

pegangan yang telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2016 adalah sebanyak 40,736 pegangan bagi MPT dan 8,902 pegangan bagi MDR.

b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2016 mendapati pelaksanaan pengurusan cukai taksiran di MPT dan MDR adalah memuaskan dari segi pencapaian kutipan cukai taksiran semasa, kaedah pembayaran cukai yang disediakan dan kelulusan senarai nilai. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- i. tunggakan cukai taksiran semakin meningkat;
- ii. asas nilai cukai taksiran masih menggunakan asas nilai tahun 1992;
- iii. kadar cukai taksiran berbeza dengan jenis pegangan;
- iv. penguatkuasaan undang-undang ke atas tunggakan cukai seperti tindakan guaman dan penyitaan harta alih pemilik tidak dilaksanakan dengan sewajarnya;
- v. kelewatan pelaksanaan kerja penilaian; dan
- vi. pemilik hartanah bagi kategori tanah ladang, lombong dan menara telekomunikasi belum dikenakan cukai.

c. Bagi memastikan pengurusan hasil cukai taksiran dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan MPT dan MDR mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- i. mengambil inisiatif untuk mengurangkan cukai taksiran terkumpul dengan kerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah untuk memastikan tunggakan cukai taksiran dibayar sebelum berlakunya pindah hak milik tanah. Selain itu, Majlis perlu mengemas kini/menghapuskan bil maklumat premis kediaman yang usang berdasarkan maklumat bil utiliti seperti elektrik atau air;
- ii. menilai semula asas nilai dan kadar cukai taksiran supaya cukai taksiran yang dikenakan bersesuaian dengan keadaan semasa;
- iii. memastikan pemantauan sewajarnya ke atas pengenaan kadar cukai taksiran mengikut jenis pegangan yang diwartakan;
- iv. mengambil tindakan yang lebih berkesan dan proaktif termasuk tindakan undang-undang seperti penyitaan premis terhadap pemilik pegangan yang enggan membayar tunggakan cukai taksiran;
- v. memastikan kerja penilaian pembangunan dirancang, penilaian pembangunan tanpa kelulusan pelan, penilaian terhadap pindaan/tambahan bangunan serta penilaian ke atas tanah yang mendapat kebenaran merancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. PBT perlu tetapkan tempoh masa piagam pelanggan bagi setiap proses kerja penilaian; dan

- vi. mengenal pasti pemilik hartanah yang berpotensi dikenakan cukai taksiran seperti kategori tanah ladang, tanah lombong dan menara telekomunikasi berdasarkan maklumat daripada Pejabat Daerah dan Tanah.

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

3. MUIP Urus Sdn. Bhd.

- a. MUIP Urus Sdn. Bhd. (MUSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Julai 2011. Syarikat ini mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM7.32 juta. Objektif MUSB adalah melaksanakan fungsi MUIP dalam menguruskan aktiviti perhotelan milik MUIP berlandaskan ciri-ciri Islam serta aktiviti lain yang diarahkan oleh MUIP. Aktiviti utama MUSB adalah mengendalikan Hotel Darul Makmur Jerantut dan Darul Makmur Lodge Kuantan, menguruskan stesen minyak, sewaan lima lot bangunan asrama milik MUIP di BIM Point, Kuantan dan penyediaan tiket kapal terbang untuk MUIP/Agensi Kerajaan.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.42 juta, RM1.05 juta dan RM421,411. Selain itu, kerugian terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM4.54 juta. Pengurusan aktiviti kurang memuaskan walaupun selaras dengan objektif penubuhan dan amalan tadbir urus korporat adalah tidak memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:
 - i. prestasi jualan bilik Hotel Darul Makmur Jerantut bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing hanya berjumlah RM553,442 (66.4%), RM679,924 (78.7%) dan RM772,137 (87.2%);
 - ii. MUSB tidak menetapkan sasaran tahunan sewaan asrama MUIP dan tidak menyenggara peralatan serta kemudahan asrama; dan
 - iii. kedua-dua ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah bukan bebas dan komposisi ini tidak selaras dengan amalan terbaik Buku Hijau.
- c. Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan MUSB mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
 - i. mengenal pasti faktor kerugian perniagaan yang berterusan dan menyusun strategi berkesan untuk mengatasinya. Selain itu, menetapkan sasaran bagi

sewaan asrama dan menyenggara peralatan serta kemudahan asrama secara berkala;

- ii. melantik ahli Lembaga Pengarah yang bebas daripada sektor swasta/korporat yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang perniagaan untuk turut menyumbang kepada prestasi syarikat; dan
- iii. mempraktikkan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat bagi mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2016 secara amnya menunjukkan sedikit penurunan. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2016 adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap **Cemerlang**, tiga Jabatan adalah pada tahap **Memuaskan** dan satu Agensi adalah pada tahap **Kurang Memuaskan**. Jabatan dan Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

Bahagian I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PAHANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH ROMPIN

1. PENGURUSAN HASIL CUKAI TANAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuantan dan PDT Rompin bertanggungjawab terhadap pengurusan hasil cukai tanah di daerah masing-masing. Hasil cukai merangkumi cukai tanah semasa, cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai dan denda lewat. Aktiviti di PDT adalah seperti urusan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Bayaran cukai tanah dan denda dikutip mengikut Kaedah Tanah Pahang 1992. Sehingga bulan Jun 2016 terdapat 626,505 hak milik tanah di negeri Pahang yang dikenakan cukai. Jumlah hasil cukai tanah tahunan yang dikutip bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 adalah berjumlah RM95.37 juta, RM102.70 juta, RM130.41 juta dan RM108.82 juta. Kutipan hasil cukai tanah merupakan penyumbang yang tertinggi kepada hasil Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM437.30 juta bagi tempoh berkenaan.

1.1.2. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG) dan PDT menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi semua urusan mendaftarkan hak milik tanah dan Sistem Hasil Tanah Berkomputer (SHTB) pula bagi urusan kutipan hasil cukai tanah. Berdasarkan data SPTB sehingga bulan Jun 2016, bilangan hak milik yang berdaftar bagi PDT Kuantan adalah sebanyak 173,812 hak milik dan PDT Rompin pula sebanyak 36,384 hak milik. Bagi memudahkan urusan pembayaran cukai tanah, PTG juga memperkenalkan kaedah pembayaran secara *online* iaitu melalui FPX mulai tahun 2008 dan CIMB *Clicks* pada tahun 2012 serta kutipan hasil di kaunter *Urban Transformation Centre* Kuantan (UTC).

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan hasil cukai tanah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan hasil cukai tanah bagi tahun 2013 hingga 2016 di PTG, PDT Kuantan dan PDT Rompin.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji, menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berhubung dengan pengurusan hasil cukai tanah di PTG dan PDT. Pemilihan sampel adalah berdasarkan permohonan hak milik dan tunggakan cukai tanah serta denda melebihi lima tahun yang berjumlah RM10,000 ke atas. Analisis data SPTB dan SHTB dilakukan dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL). Selain itu, pengauditan yang dilaksanakan juga merujuk kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Pahang 1992, Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang dan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Pahang. Lawatan Audit dan temu bual dengan pemilik tanah, pihak PTG dan PDT juga dilakukan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati pengurusan hasil cukai tanah adalah memuaskan seperti peningkatan jumlah kutipan cukai tanah untuk setiap tahun melalui pembayaran secara *online* bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2016 yang berjumlah RM2.63 juta. Selain itu, penyemakan kadar cukai tanah juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian iaitu:

- i. tunggakan hasil cukai tanah dan denda tidak dikutip;
- ii. cukai tanah bagi tanah pajakan tidak dikutip;
- iii. penanguhan pindaan kadar cukai tanah tidak diwartakan; dan
- iv. pindaan cukai tanah tidak mengikut kadar dan pewartaan kenaikan taraf kawasan tidak dilaksanakan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas PTG telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 17 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah

1.5.1.1. Sasaran kutipan hasil cukai tanah tahunan untuk PDT Kuantan dan PDT Rompin berdasarkan kepada jumlah pegangan hak milik berdaftar pada SHTB. Laporan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 mendapati prestasi kutipan hasil cukai tanah semasa bagi PDT Kuantan adalah antara 59.6% hingga 73.0%. Bagi PDT Rompin pula prestasi kutipan hasil cukai tanah semasa adalah antara 62.3% hingga 87.9%. Prestasi kutipan tunggakan cukai tanah bagi tempoh yang sama di PDT Kuantan adalah antara 17.4% hingga 48.1% manakala bagi PDT Rompin pula adalah 16.5% hingga 45.4%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.1
PRESTASI KUTIPAN DAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2015

| TAHUN | PRESTASI KUTIPAN | CUKAI TANAH | | TUNGGAKAN CUKAI TANAH | |
|-------|----------------------------|-------------|-------------|-----------------------|-------------|
| | | KUANTAN | ROMPIN | KUANTAN | ROMPIN |
| 2013 | Patut Kutip (RM Juta) | 31.48 | 18.09 | 11.38 | 4.95 |
| | Kutipan Sebenar (RM Juta) | 18.94 | 12.35 | 5.41 | 0.91 |
| | Peratus Kutipan (%) | 60.2 | 68.3 | 47.5 | 18.4 |
| 2014 | Patut Kutip (RM Juta) | 32.49 | 18.71 | 37.38 | 6.67 |
| | Kutipan Sebenar (RM Juta) | 19.37 | 11.65 | 6.52 | 1.10 |
| | Peratus Kutipan (%) | 59.6 | 62.3 | 17.4 | 16.5 |
| 2015 | Patut Kutip (RM Juta) | 33.95 | 19.27 | 39.75 | 9.51 |
| | Kutipan Sebenar (RM Juta) | 24.80 | 16.93 | 19.12 | 4.32 |
| | Peratus Kutipan (%) | 73.0 | 87.9 | 48.1 | 45.4 |

Sumber: Laporan Prestasi Kutipan Cukai Tanah PDT Kuantan dan PDT Rompin

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Sasaran kutipan hasil cukai tanah di Negeri Pahang sebelum tahun 2017 adalah menggunakan prestasi kutipan hasil cukai tanah pada tahun sebelumnya. Mulai tahun 2017 Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKN) telah menetapkan sasaran setiap tahun adalah berdasarkan perbincangan dan permuafakatan antara PKN, PTG dan PDT dengan mengambil kira pelbagai faktor dan keupayaan semasa kutipan hasil cukai tanah.

Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan hasil cukai tanah adalah kurang memuaskan kerana PDT hanya berjaya mengutip separuh daripada amaun yang patut dikutip.

1.5.2. Tunggakan Cukai Tanah dan Denda

1.5.2.1. Seksyen 94(2) Kanun Tanah Negara (KTN), menyatakan cukai tanah hendaklah dijelaskan oleh pemilik tanah sebelum 1 Jun setiap tahun. Sekiranya pemilik tanah membayar cukai tanah selepas tarikh tersebut, ia dianggap sebagai tunggakan dan denda akan dikenakan ke atas jumlah keseluruhan yang perlu dibayar.

1.5.2.2. Semakan Audit terhadap tunggakan cukai tanah mengikut tempoh di PDT Kuantan mendapati sebanyak 56,442 hak milik mempunyai jumlah tunggakan RM34.30 juta. Ia merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM29.15 juta dan denda sejumlah RM5.15 juta. Bagi PDT Rompin pula sebanyak 7,662 hak milik mempunyai jumlah tunggakan RM11.48 juta yang merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM10.97 juta dan denda sejumlah RM0.51 juta.

Selain itu, hasil analisis Audit mengenai tempoh tunggakan berbanding hak milik bagi tunggakan cukai tanah dan denda masih banyak hak milik yang telah lama tertunggak dan belum diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.2
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT TEMPOH**

| TEMPOH TUNGGAKAN | BIL. HAK MILIK | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|--------------------|----------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| PDT Kuantan | | | | |
| 1 Hingga 10 Tahun | 51,146 | 16,702,104 | 1,743,611 | 18,445,715 |
| Lebih 11 tahun | 5,296 | 12,449,605 | 3,406,911 | 15,856,516 |
| JUMLAH | 56,442 | 29,151,709 | 5,150,522 | 34,302,231 |
| PDT Rompin | | | | |
| 1 Hingga 10 Tahun | 7,017 | 10,457,771 | 397,880 | 10,855,651 |
| Lebih 11 tahun | 645 | 508,670 | 112,965 | 621,635 |
| JUMLAH | 7,662 | 10,966,441 | 510,845 | 11,477,286 |

Sumber: PDT Kuantan dan PDT Rompin

1.5.2.3. Berdasarkan pemilihan sampel Audit mengenai tunggakan cukai tanah yang melebihi lima tahun dan RM10,000 ke atas, terdapat sebanyak 17,840 hak milik tertunggak yang meliputi 4,896 hak milik PTG bagi kedua-dua daerah, 12,120 hak milik di PDT Kuantan dan 824 hak milik yang didaftarkan di PDT Rompin. Kesemua hak milik ini mempunyai jumlah tunggakan sejumlah RM23.86 juta yang merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM19.66 juta dan denda sejumlah RM4.19 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.3
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELEBIHI
LIMA TAHUN DAN RM10,000 KE ATAS MENGIKUT HAK MILIK**

| HAK MILIK | BIL. HAK MILIK | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|-----------------------------|----------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| Hak Milik PTG di Kuantan | 4,739 | 9,002,562 | 1,643,409 | 10,645,971 |
| PDT Kuantan | 12,120 | 9,949,626 | 2,407,308 | 12,356,934 |
| JUMLAH KUANTAN | 16,859 | 18,952,188 | 4,050,717 | 23,002,905 |
| Hak Milik PTG di Rompin | 157 | 136,754 | 14,441 | 151,195 |
| PDT Rompin | 824 | 574,439 | 127,608 | 702,047 |
| JUMLAH di PDT ROMPIN | 981 | 711,193 | 142,049 | 853,242 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 17,840 | 19,663,381 | 4,192,766 | 23,856,147 |

Sumber: PTG Negeri Pahang, PDT Kuantan dan PDT Rompin

1.5.2.4. Sebanyak 218 daripada 17,840 hak milik yang tertunggak melebihi lima tahun dan RM10,000 ke atas di PDT Kuantan telah dipilih sebagai sampel untuk pengauditan terperinci dengan tunggakan sejumlah RM11.57 juta. Ia merangkumi tunggakan cukai berjumlah RM8.92 juta dan denda berjumlah RM2.65 juta.

Daripada jumlah hak milik tersebut, 32 hak milik merupakan hak milik agensi Kerajaan dengan jumlah tunggakan RM2.07 juta dan 58 hak milik syarikat swasta dengan jumlah tunggakan RM4.84 juta atau kadar tunggakan 41.8% daripada tunggakan keseluruhan. Bagi hak milik pertubuhan mempunyai tiga hak milik dengan jumlah tunggakan RM0.64 juta iaitu 5.5% kadar tunggakan. Manakala untuk hak milik individu pula mempunyai 125 hak milik tertunggak yang jumlah tunggakannya adalah RM4.02 juta dengan kadar tunggakan 34.8%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.4
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELEBIHI
LIMA TAHUN DAN RM10,000 KE ATAS BAGI PDT KUANTAN**

| HAK MILIK | JENIS | BIL. SAMPEL | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|--|-------|-------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| Agensi Kerajaan | GRN | 1 | 19,219 | 3,063 | 22,282 |
| | PN | 7 | 776,816 | 76,495 | 853,311 |
| | HSD | 18 | 735,179 | 273,313 | 1,008,492 |
| | HSM | 5 | 132,996 | 12,848 | 145,844 |
| | PM | 1 | 39,266 | 3,508 | 42,774 |
| JUMLAH | | 32 | 1,703,476 | 369,227 | 2,072,703 |
| KADAR TUNGGAKAN (%) | | | 17.9 | | |
| Syarikat Swasta | GRN | 13 | 334,200 | 162,139 | 496,339 |
| | PN | 5 | 1,963,870 | 180,148 | 2,144,018 |
| | HSD | 13 | 1,308,553 | 179,403 | 1,487,956 |
| | GM | 18 | 288,890 | 121,320 | 410,210 |
| | HSM | 9 | 176,728 | 123,220 | 299,948 |
| JUMLAH | | 58 | 4,072,241 | 766,230 | 4,838,471 |
| KADAR TUNGGAKAN (%) | | | 41.8 | | |
| Pertubuhan | PN | 2 | 95,205 | 9,526 | 104,731 |
| | HSD | 1 | 404,518 | 126,020 | 530,538 |
| JUMLAH | | 3 | 499,723 | 135,546 | 635,269 |
| KADAR TUNGGAKAN (%) | | | 5.5 | | |
| Individu | GRN | 13 | 662,254 | 245,484 | 907,738 |
| | PN | 1 | 81,745 | 13,364 | 95,109 |
| | HSD | 3 | 31,115 | 20,029 | 51,144 |
| | GM | 46 | 900,147 | 495,096 | 1,395,243 |
| | HSM | 62 | 973,410 | 602,181 | 1,575,591 |
| JUMLAH | | 125 | 2,648,671 | 1,376,154 | 4,024,825 |
| KADAR TUNGGAKAN (%) | | | 34.8 | | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 218 | 8,924,112 | 2,647,157 | 11,571,268 |
| KADAR TUNGGAKAN KESELURUHAN (%) | | | 100 | | |

Sumber: PDT Kuantan

Nota: GRN – Geran Negeri; GM – Geran Mukim; PM – Pajakan Mukim; PN – Pajakan Negeri; HSD – Hak Milik Sementara Daftar; HSM – Hak Milik Sementara Mukim

1.5.2.5. Bagi PDT Rompin pula terdapat tujuh daripada 981 hak milik tertunggak yang melebihi lima tahun dan RM10,000 ke atas telah dipilih sebagai sampel. Kesemua hak milik mempunyai tunggakan berjumlah RM0.66 juta yang merangkumi tunggakan cukai sejumlah RM0.58 juta dan denda sejumlah RM76,390. Daripada jumlah hak milik itu, dua hak milik merupakan hak milik agensi Kerajaan dengan jumlah tunggakan RM268,971. Manakala bagi hak milik syarikat swasta dan pertubuhan masing-masing mempunyai satu hak milik dengan jumlah tunggakan RM320,177 dan RM26,620. Selain itu, tiga hak milik individu pula mempunyai tunggakan cukai dan denda berjumlah RM43,009. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.5
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELEBIHI
LIMA TAHUN DAN RM10,000 KE ATAS BAGI PDT ROMPIN

| HAK MILIK | JENIS HAK MILIK | BIL. SAMPEL | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|---------------------------|-----------------|-------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| Agensi Kerajaan | PN | 1 | 171,095 | 17,110 | 188,205 |
| | HSD | 1 | 76,398 | 4,368 | 80,766 |
| JUMLAH | | 2 | 247,493 | 21,478 | 268,971 |
| Syarikat Swasta | HSD | 1 | 294,780 | 25,397 | 320,177 |
| JUMLAH | | 1 | 294,780 | 25,397 | 320,177 |
| Pertubuhan | HSD | 1 | 24,200 | 2,420 | 26,620 |
| JUMLAH | | 1 | 24,200 | 2,420 | 26,620 |
| Individu | GM | 3 | 15,914 | 27,095 | 43,009 |
| JUMLAH | | 3 | 15,914 | 27,095 | 43,009 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 7 | 582,387 | 76,390 | 658,777 |

Sumber: PDT Rompin

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PTG dan PDT telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kutipan dan tunggakan hasil tanah seperti kutipan luar, promosi, kaunter bayaran di UTC, peringatan melalui panggilan telefon, perbincangan, surat peringatan dan notis. PDT juga telah memohon kerjasama daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesan alamat terkini pemilik bagi menghantar bil cukai tanah atau surat peringatan ke alamat yang baru. Pemantauan secara berkala juga telah dilakukan melalui Mesyuarat Hasil Tanah Negeri Pahang bagi hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang tinggi.

Pada pendapat Audit, tunggakan cukai tanah dan denda bagi tempoh yang lama adalah kurang memuaskan kerana usaha PDT untuk mengurangkan tunggakan ini kurang berkesan.

1.5.2.6. Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Hak Milik Agensi Kerajaan

- a. Semakan Audit mendapati 32 daripada 218 hak milik yang tertunggak di PDT Kuantan dan dua daripada tujuh hak milik di PDT Rompin melibatkan tanah yang dimiliki oleh agensi Kerajaan. Ia melibatkan tunggakan cukai tanah antara enam hingga 44 tahun dengan tunggakan cukai tanah RM1.95 juta dan denda sejumlah RM390,705. Contoh tunggakan cukai tanah tertinggi melibatkan tanah hak milik agensi Kerajaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.6
TUNGGAKAN CUKAI TERTINGGI MELIBATKAN HAK MILIK AGENSI KERAJAAN

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | DARI TAHUN | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|---------------|---------------|-----------------------|------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| 1. | HSD260 | Kuala Kuantan | 1973 | 130,169 | 172,824 | 302,993 |
| 2. | PN1982 | | 1999 | 508,657 | 50,940 | 559,597 |
| 3. | PN7725 | | 2002 | 78,385 | 7,845 | 86,230 |
| 5. | PN19226 | | 2010 | 59,929 | 5,138 | 65,067 |
| 6. | PN6491 | | 2011 | 56,694 | 5,670 | 62,364 |
| 4. | HSD24963 | | 2011 | 56,010 | 4,670 | 60,680 |
| 7. | HSD28294 | | 2011 | 234,498 | 15,636 | 250,134 |
| 8. | HSD26727 | Ulu Lepar | 2009 | 129,600 | 11,340 | 140,940 |
| 9. | PN17436 | Bandar Baru Rompin II | 2011 | 171,095 | 17,110 | 188,205 |
| 10. | HSD4635 | Rompin | 2010 | 76,398 | 4,368 | 80,766 |
| JUMLAH | | | | 1,501,435 | 295,541 | 1,796,976 |

Sumber: PDT Kuantan dan PDT Rompin

- b. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan ketiga lokasi tanah milik agensi Kerajaan Negeri di daerah Kuantan dan Rompin bersama-sama pegawai PDT mendapati perkara seperti berikut:

i. Hak Milik HSD4413, Bandar Rompin 1 dan HSD4611, Bandar Muadzam

- Tunggakan cukai tanah untuk hak milik HSD4413 adalah berjumlah RM31,348 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Syarat nyata bagi kegunaan tanah ini adalah untuk tapak pementasan. Pegawai PDT Rompin memaklumkan kawasan ini akan dijadikan tapak kawasan perumahan bagaimanapun lokasi sebenar tapak pementasan tidak dapat ditentukan. Keadaan tapak tanah tersebut yang belum dibangunkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.1



Hak Milik HSD4413, Bandar Rompin 1
- Keadaan Tapak Tanah (Tapak Pembetulan)
(22.11.2016)

GAMBAR 1.2



Hak Milik HSD4413, Bandar Rompin 1
- Keadaan Tapak Tanah (Tapak Pembetulan)
(22.11.2016)

- Manakala tunggakan cukai bagi hak milik HSD4611 pula berjumlah RM3,144 bagi tempoh tahun 2011 hingga 2016. Syarat nyata bagi kegunaan tanah ini adalah untuk bangunan perniagaan. Pihak Audit dimaklumkan hak milik tanah ini telah dijual kepada pelabur namun proses pindah milik masih belum selesai. Temu bual bersama pemilik kedai mendapati mereka telah menyewa lot-lot kedai daripada pemilik tanah sejak tahun 2012. Bangunan perniagaan 2 tingkat dengan lapan lot kedai tersebut seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.3

Bandar Muadzam
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik HSD4611
(22.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Rompin telah mengadakan perbincangan bersama wakil agensi Kerajaan pada 10 November 2016 bagi hak milik HSD4413 untuk menyelesaikan isu tunggakan cukai tanah. Bagaimanapun, tiada bayaran yang dijelaskan dan agensi juga tidak memberi sebarang pemakluman secara bertulis ke PDT Rompin. Bagi hak milik HSD4611 pula, agensi telah memaklumkan kepada PDT Rompin bahawa pihaknya telah mengeluarkan surat pentadbiran kepada pengusaha bangunan bertarikh 10 Februari 2016 agar membuat tindakan pindah milik kepada pembeli dengan segera dan menjelaskan cukai tanah serta tunggakan cukai yang terlibat.

ii. Hak Milik PN1982, Mukim Kuala Kuantan

- Hak milik PN1982 telah didaftarkan atas nama agensi Kerajaan bagi tujuan bangunan perniagaan. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan cukai tanah sejak tahun 1999 adalah berjumlah RM0.56 juta. Lawatan Audit ke tapak tanah berkenaan mendapati kawasan berkenaan belum dibangunkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.4



Mukim Kuala Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik PN1982
(28.11.2016)

GAMBAR 1.5



Mukim Kuala Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik PN1982
(28.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Kuantan telah mengadakan perbincangan pada 9 Mac 2017 dengan agensi Kerajaan mengenai tunggakan cukai tanah tersebut.

Pada pendapat Audit, tunggakan cukai tanah melibatkan hak milik agensi Kerajaan adalah kurang memuaskan kerana penghantaran surat peringatan dan Notis 6A tidak dikuatkuasakan.

1.5.2.7. Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Hak Milik Syarikat Swasta

- a. Semakan Audit mendapati 59 kes tunggakan di kedua-dua PDT adalah hak milik syarikat swasta yang melibatkan jumlah tunggakan cukai tanah RM5.16 juta. Ia melibatkan tunggakan cukai tanah sejumlah RM4.37 juta dan denda sejumlah RM0.79 juta yang telah tertunggak antara enam hingga 48 tahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati empat hak milik adalah kepunyaan sebuah syarikat swasta yang mempunyai tunggakan selama 12 tahun dan merupakan antara tunggakan tertinggi iaitu berjumlah RM3.03 juta. Manakala sebuah syarikat lain pula mempunyai tempoh tunggakan yang lama iaitu antara 30 hingga 46 tahun yang berjumlah RM142,033. Contoh tunggakan cukai tanah tertinggi melibatkan hak milik syarikat swasta adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.7
TUNGGAKAN CUKAI TANAH TERTINGGI MELIBATKAN HAK MILIK SYARIKAT SWASTA

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | DARI TAHUN | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|---------------|---|---------------|------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| 1. | PN21373 HSD16515 PN21369 PN21370 | Sg. Karang | 2005 | 2,765,715 | 260,330 | 3,026,045 |
| 2. | HSD36381 | Kuala Kuantan | 2011 | 170,271 | 5,058 | 175,329 |
| 3. | HSM1939 HSM10744 HSM11651 HSD415 HSM14633 HSM14632 | | 1971 | 79,980 | 62,053 | 142,033 |
| 4. | HSD29 | Keratong | 2011 | 294,780 | 25,397 | 320,177 |
| JUMLAH | | | | 3,310,746 | 352,838 | 3,663,584 |

Sumber: PDT Kuantan dan PDT Rompin

b. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan kelima lokasi tanah milik syarikat swasta di daerah Kuantan dan Rompin bersama-sama pegawai PDT mendapati perkara seperti berikut:

i. Hak Milik HSM3184, Mukim Rompin

- Tunggakan cukai tanah untuk hak milik HSM3184 adalah berjumlah RM18,590 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016. Syarat nyata tanah seluas 16,900 meter persegi ini adalah untuk pencawang elektrik sahaja. Kedudukan tanah milik ini terletak di tengah antara bangunan jana kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA). Keadaan tapak tanah masih belum dibangunkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.6



Mukim Rompin
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik HSM3184
(22.11.2016)

GAMBAR 1.7



Mukim Rompin
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik HSM3184
(22.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Siasatan telah dilakukan oleh PDT Rompin pada 30 November 2016 dan mendapati lokasi tanah bagi HSM3184 adalah terletak di sebelah hak milik PM189, Lot 2621 yang terdapat pencawang elektrik. Semakan melalui JUPEM2u mendapati Pelan Akui yang bernombor Lot 16984 telah dikeluarkan dan tindakan mengeluarkan hak milik kekal akan dilaksanakan bagi menggantikan hak milik sementara HSM3184.

ii. Hak Milik HSD29, Mukim Keratong

- Pemilik tanah bagi hak milik HSD29 didaftarkan atas syarikat swasta dengan syarat nyata tanah adalah pembinaan kilang batu bata. Ia telah didaftarkan pada tahun 1977 dengan tempoh pajakan selama 66 tahun yang akan tamat pada tahun 2043. Tunggakan cukai tanah ini berjumlah RM320,177 bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015.
- Lawatan Audit mendapati tiada kilang batu bata dibina di atas tanah milik sebaliknya diusahakan dengan tanaman kelapa sawit yang telah berusia anggaran 14 tahun. Laporan siasatan tanah yang disediakan oleh PDT Rompin mendapati tanah ini telah diserahkan kepada orang perseorangan dan telah membuat satu perjanjian dengan pihak lain bagi mengusahakan tanah yang seluas 15 ekar. Keadaan tapak kilang batu bata seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.8

**Mukim Keratong
- Keadaan Tapak Kilang Batu Bata
yang Menjadi Ladang Kelapa Sawit
(23.11.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Rompin telah mengadakan perbincangan dengan pemilik syarikat telah diadakan pada 21 Disember 2016 di mana persetujuan dicapai supaya pemilik menjelaskan bayaran cukai yang tertunggak secara ansuran RM30,000 sebulan sehingga selesai. Pemilik akan mengemukakan permohonan secara bertulis untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bagaimanapun, PDT Rompin masih belum menerima permohonan secara rasmi daripada pemilik. Surat peringatan pentadbiran telah dikeluarkan kepada pemilik bertarikh

25 Januari 2017 bagi memastikan tindakan diambil seperti yang telah diputuskan di dalam perbincangan tersebut.

iii. Hak Milik PN21369, PN21370, PN21373 dan HSD16515, Mukim Sungai Karang

- Semakan Audit mendapati pemilik tanah bagi empat hak milik iaitu PN21369, PN21370, PN21373 dan HSD16515 tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah bagi tempoh 12 tahun berjumlah RM3.03 juta. Syarat nyata untuk semua hak milik ini adalah tapak industri. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Pelan Pra-Perhitungan (*Pre-computation Plan*) daripada pemilik tanah masih belum diterima oleh pihak PDT Kuantan. Sehubungan itu, PDT Kuantan tidak dapat memastikan jenis industri yang akan dimajukan di tapak berkenaan. Semakan Audit selanjutnya terhadap carian rasmi juga mendapati semua hak milik berkenaan mempunyai gadaian kepada bank. Lawatan Audit bersama pegawai PDT Kuantan mendapati tiada pembangunan dijalankan di tapak tanah tersebut seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.9



**Mukim Sungai Karang
- Keadaan Tapak Tanah Mempunyai
Tunggakan Cukai Tanah
(28.11.2016)**

GAMBAR 1.10



**Mukim Sungai Karang
- Keadaan Tapak Tanah Mempunyai
Tunggakan Cukai Tanah
(28.11.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Kuantan telah mengeluarkan surat peringatan kepada empat hak milik syarikat swasta pada 30 November 2016. Syarikat telah mengemukakan permohonan untuk membuat bayaran secara ansuran berjumlah RM100,000 sebulan dan surat kelulusan bayaran secara ansuran telah dikeluarkan pada 17 Januari 2017. PDT Kuantan dalam tindakan memastikan syarikat membayar tunggakan cukai tanah sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum tindakan selanjutnya diambil.

iv. Hak Milik PN16047, Mukim Penor

- Semakan Audit mendapati bayaran cukai tanah bagi hak milik PN16047 telah tertunggak sejumlah RM1.11 juta mulai tahun 2012. Hak milik ini didaftarkan bagi tujuan bangunan kediaman, bangunan perniagaan atau industri sahaja. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarat pada surat kelulusan menyatakan projek hendaklah dimulakan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh surat kelulusan dan syarikat juga perlu mengemukakan laporan pelaksanaan projek setiap enam bulan. Bagaimanapun, keadaan tapak tanah yang terletak di jalan utama Pekan-Kuantan belum dibangunkan seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.11

Mukim Penor
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik PN16047
(28.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Syarikat tersebut telah membuat permohonan pengurangan cukai sejak tahun 2014 dan perkara berkenaan dalam makluman Pihak Berkuasa Negeri.

v. Hak Milik HSD34904, Mukim Penor

- Syarat nyata hak milik HSD34904 didaftarkan bagi tujuan bangunan kediaman, perniagaan atau lain-lain kemudahan awam sahaja. Pemilik tanah juga mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM1.21 juta bagi tempoh dua tahun. Lawatan Audit ke tapak tanah berkenaan mendapati keadaan tanah belum dibangunkan. Bagaimanapun, terdapat tanaman kelapa sawit di tapak berkenaan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.12



Mukim Penor
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik HSD34904
(28.11.2016)

GAMBAR 1.13



Mukim Penor
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik HSD34904
(28.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Syarikat telah membuat permohonan pengurangan cukai dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2016. Sehubungan dengan itu, syarikat telah membuat bayaran sebanyak RM0.51 juta pada 15 Disember 2016 iaitu bayaran cukai semasa tahun 2015.

Pada pendapat Audit, tunggakan cukai tanah melibatkan hak milik syarikat swasta adalah kurang memuaskan kerana penghantaran surat peringatan dan Notis 6A tidak dikuatkuasakan.

1.5.2.8. Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Hak Milik Pertubuhan

a. Semakan Audit mendapati tiga daripada 218 hak milik yang tertunggak di PDT Kuantan dan satu daripada tujuh hak milik di PDT Rompin adalah hak milik pertubuhan. Ia melibatkan tempoh tunggakan antara sepuluh hingga 15 tahun dengan tunggakan cukai tanah berjumlah RM0.66 juta. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan kedua lokasi tanah milik pertubuhan dan mendapati perkara seperti berikut:

i. Hak Milik HSD4128, Bandar Baru Rompin

- Pemilik tanah bagi hak milik HSD4128 tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah dari tahun 2006 hingga 2015 dengan jumlah tunggakan RM26,620. Syarat nyata bagi tapak tanah ini adalah untuk kegunaan bangunan pejabat. Tapak tanah telah dibina dengan bangunan tiga tingkat terdiri daripada lapan lot yang digunakan sebagai pejabat dan kedai. Temu bual Audit bersama pemilik kedai dan pegawai di pusat kutipan zakat mendapati lot-lot bangunan tersebut telah dibeli daripada pemilik tanah. Semakan Audit terhadap carian rasmi dan Dokumen Hak Milik Daftaran Komputer (DHDK) pula mendapati

pemilik tanah tidak membuat sebarang urusan pecah lot atau pindah milik tanah kepada pihak lain. Kesemua lot bangunan telah beroperasi seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.14

**Bandar Baru Rompin
- Bangunan Hak Milik HSD4128
(22.11.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Rompin telah memaklumkan kepada pertubuhan mengenai isu ini dengan menghantar bil cukai tanah. Pertubuhan akan membayar cukai tanah setelah beberapa perkara berkaitan dokumentasi antara pemaju dan pembeli diselesaikan.

ii. Hak Milik HSD7809, Mukim Kuala Kuantan

- Pemilik tanah bagi hak milik HSD7809 tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah dari tahun 1991 hingga 2015 dengan jumlah tunggakan RM0.53 juta. Syarat nyata bagi tapak tanah ini adalah untuk kegunaan tapak sukan sahaja dan lawatan Audit ke lokasi berkenaan mendapati ia dijadikan tempat latihan menembak seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.15

**Mukim Kuala Kuantan
- Pintu Masuk ke Tempat Latihan Menembak
(01.12.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Pertubuhan telah membuat bayaran bagi proses rayuan pengurangan tunggakan cukai tanah dan denda pada 3 Mac 2017. PDT Kuantan dalam proses penyediaan kertas kerja untuk diangkat ke PTG dan seterusnya ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, tunggakan cukai tanah melibatkan hak milik pertubuhan adalah kurang memuaskan kerana penghantaran surat peringatan dan Notis 6A tidak dikuatkuasakan.

1.5.2.9. Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Hak Milik Individu

- a. Semakan Audit juga mendapati 125 daripada 218 hak milik di PDT Kuantan dan tiga daripada tujuh hak milik di PDT Rompin yang tertunggak adalah melibatkan tanah individu yang mempunyai tunggakan sepuluh tahun ke atas. Semakan Audit selanjutnya mendapati 23 daripada 128 hak milik tersebut mempunyai tempoh tunggakan antara 21 hingga 64 tahun dan mempunyai tunggakan cukai tanah melebihi RM10,000. Contoh tunggakan cukai tanah melibatkan hak milik individu adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.8
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELIBATKAN HAK MILIK INDIVIDU

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | DARI TAHUN | TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI (TAHUN) | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) | JUMLAH TUNGGAKAN (RM) |
|---------------|---------------|----------------|------------|--------------------------------|----------------------------|----------------------|-----------------------|
| 1. | GRN9622 | Bandar Kuantan | 1978 | 39 | 136,202 | 90,110 | 226,312 |
| 2. | GRN1746 | | 1996 | 21 | 86,625 | 11,582 | 98,207 |
| 3. | GM82 | Kuala Kuantan | 1971 | 46 | 44,837 | 38,527 | 83,364 |
| 4. | GM437 | | 1970 | 47 | 55,259 | 63,085 | 118,344 |
| 5. | GM752 | | 1976 | 41 | 40,575 | 27,461 | 68,036 |
| 6. | GRN383 | | 1985 | 32 | 50,996 | 82,622 | 133,618 |
| 7. | HSM2510 | | 1972 | 45 | 32,238 | 21,961 | 54,199 |
| 8. | HSM2638 | | 1973 | 44 | 40,418 | 27,140 | 67,558 |
| 9. | HSM2738 | | 1984 | 33 | 63,750 | 42,502 | 106,252 |
| 10. | GM662 | Endau | 1953 | 64 | 1,071 | 15,926 | 16,997 |
| JUMLAH | | | | | 551,971 | 420,916 | 972,887 |

Sumber: PDT Kuantan dan PDT Rompin

- b. Pihak Audit telah melaksanakan lawatan kelima lokasi tanah milik individu di daerah Kuantan dan mendapati perkara seperti berikut:

i. Hak Milik GRN9622 dan GRN1746, Bandar Kuantan Serta GM82 dan HSM2738, Mukim Kuala Kuantan

- Semakan Audit mendapati pemilik tanah bagi empat hak milik iaitu GRN9622, GRN1746, GM82, dan HSM2738 tidak menjelaskan tunggakan cukai tanah bagi tempoh antara 21 hingga 46 tahun yang berjumlah RM0.51 juta. Tiada syarat nyata dinyatakan bagi dua hak milik yang terletak di Bandar Kuantan. Manakala syarat nyata untuk

dua hak milik di Mukim Kuala Kuantan pula adalah bangunan perniagaan sahaja. Lawatan Audit mendapati tapak tanah tersebut merupakan jalan untuk kegunaan awam yang dibina di taman perumahan dan sekitar bandar serta dijadikan tempat letak kereta berbayar seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.16



Bandar Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah (Jalan)
Hak Milik GRN9622
(01.12.2016)

GAMBAR 1.17



Bandar Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah (Jalan)
Hak Milik GRN1746
(01.12.2016)

GAMBAR 1.18



Mukim Kuala Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah (Jalan)
Hak Milik GM82
(01.12.2016)

GAMBAR 1.19



Mukim Kuala Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah (Jalan)
Hak Milik HSM2738
(01.12.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Perkara berkenaan telah dibincangkan bersama antara pihak PTG, PDT dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Perbincangan Mengenai Hak Milik Bersyarat Nyata Tanah Lapang pada 20 Februari 2017. Hak milik berkenaan dalam proses semakan lanjut untuk tindakan serahan semula kepada Kerajaan.

ii. Hak Milik GM5762, Bandar Kuantan

- Pemilik tanah bagi hak milik GM5762 mempunyai tunggakan cukai tanah yang berjumlah RM49,622 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Syarat nyata yang tertera pada DHDK adalah bagi tujuan bangunan perniagaan sahaja. Tapak tanah ini terletak di dalam

kawasan Bandar Kuantan dan didapati tapak tanah belum dibangunkan seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.20

Bandar Kuantan
- Keadaan Tapak Tanah Hak Milik GM5762
(01.12.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Perkara berkenaan telah dibincangkan bersama antara pihak PTG, PDT dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Perbincangan Mengenai Hak Milik Bersyarat Nyata Tanah Lapang pada 20 Februari 2017. Hak milik berkenaan dalam proses semakan lanjut oleh PDT Kuantan untuk tindakan serahan semula kepada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, tunggakan cukai tanah melibatkan hak milik individu adalah kurang memuaskan kerana penghantaran surat peringatan dan Notis 6A tidak dikuatkuasakan.

1.5.2.10. Tunggakan Cukai Tanah Bagi Tanah Gadaian

a. Menurut Seksyen 249(2)(a) KTN, penggadai iaitu pemilik tanah perlu membayar semua cukai tanah mengikut perjanjian yang ditetapkan sepanjang tempoh gadaian. Semakan Audit terhadap data SPTB mendapati urus niaga gadaian tanah di PDT Kuantan dan PDT Rompin masing-masing berjumlah 14,062 dan 1,631 urus niaga bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Manakala semakan Audit terhadap urus niaga gadaian di SHTB pula mendapati sejumlah 8,533 daripada 9,849 hak milik mempunyai tunggakan cukai tanah. Antara pemegang gadaian adalah seperti Perbendaharaan Malaysia, bank konvensional dan agensi Kerajaan. Contoh hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah dan melibatkan tanah gadaian adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.9
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELIBATKAN TANAH GADAIAN DI PDT KUANTAN

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | TARIKH DAFTAR GADAIAN | TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI (TAHUN) | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) |
|------|---------------|----------------|-----------------------|--------------------------------|----------------------------|----------------------|
| 1. | GM4196 | Bandar Kuantan | 19.08.2002 | 2009-2015 | 3,600 | 360 |
| 2. | GM4320 | | 20.04.2004 | 2005-2015 | 780 | 87 |
| 3. | GRN2192 | | 15.02.1978 | 2008-2015 | 2,640 | 264 |
| 4. | PN9437 | Kuala | 01.12.2008 | 2009-2015 | 270 | 34 |

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | TARIKH DAFTAR GADAIAN | TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI (TAHUN) | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) |
|------|---------------|---------|-----------------------|--------------------------------|----------------------------|----------------------|
| 5. | PN23638 | Kuantan | 03.11.2010 | 2010-2015 | 1,200 | 120 |
| 6. | PM126 | | 29.12.2003 | 2004-2015 | 360 | 39 |
| 7. | GM523 | | 05.10.1982 | 1980-2015 | 15,180 | 12,713 |
| 8. | GM558 | | 11.02.1969 | 1973-2015 | 33,355 | 27,922 |
| 9. | GM471 | Beserah | 06.12.1999 | 2012-2015 | 4,252 | 408 |
| 10. | GM498 | | 18.02.1983 | 1984-2015 | 14,080 | 10,610 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 1.10
TUNGGAKAN CUKAI TANAH MELIBATKAN TANAH GADAIAN DI PDT ROMPIN

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | TARIKH DAFTAR GADAIAN | TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI (TAHUN) | TUNGGAKAN CUKAI TANAH (RM) | TUNGGAKAN DENDA (RM) |
|------|---------------|-----------------|-----------------------|--------------------------------|----------------------------|----------------------|
| 1. | GM465 | Bandar Rompin 1 | 30.06.2006 | 2013-2015 | 1,140 | 114 |
| 2. | GM371 | | 24.02.2009 | 2013-2015 | 1,140 | 114 |
| 3. | GM309 | | 14.10.1998 | 2005-2015 | 976 | 107 |
| 4. | GM153 | Bandar Endau | 25.11.1994 | 2006-2015 | 3,160 | 320 |
| 5. | GM131 | | 13.06.2003 | 2004-2015 | 960 | 96 |
| 6. | GM1136 | Rompin | 15.02.2007 | 2009-2015 | 1,050 | 105 |
| 7. | PM8558 | Keratong | 24.09.2004 | 2005-2015 | 1,050 | 105 |
| 8. | GM81 | | 30.08.1978 | 2006-2015 | 2,239 | 2,819 |
| 9. | PM8554 | | 24.09.2004 | 2005-2015 | 1,050 | 105 |
| 10. | PM8526 | | 17.01.2006 | 2007-2015 | 990 | 99 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PDT Kuantan dan PDT Rompin telah mengambil tindakan dengan menghantar bil cukai tanah kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tanpa mengira status gadaian.

Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan tunggakan cukai tanah dan denda bagi tanah gadaian adalah kurang memuaskan kerana penguatkuasaan dan pemantauan oleh PDT kurang berkesan.

1.5.3. Cukai Tanah Bagi Tanah Pajak Tidak Dikutip

Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang Bil.18/2004 dikeluarkan untuk menyeragamkan syarat pemberian milikan tanah kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri Pahang oleh Pentadbir Tanah Daerah. PSK diperbadankan melalui *State Secretary Pahang (Incorporations) Enactment 1959* bertujuan untuk menjadi pemegang amanah kepada Kerajaan Negeri bagi memiliki tanah-tanah Kerajaan. Semakan Audit terhadap data SPTB sehingga bulan Oktober 2016 mendapati senarai hak milik PSK di daerah Kuantan dan Rompin masing-masing

berjumlah 5,046 dan 960 hak milik. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan cukai tanah hak milik PSK mendapati perkara seperti berikut:

1.5.3.1. Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMK) yang ke 9/2000 pada 21 Jun 2000 bersetuju pengecualian cukai tanah tahun pertama dan tahun-tahun berikutnya sehingga tanah dipindah milik kepada pembeli atau dipajak kepada pemajak oleh PSK. Semakan Audit terhadap sepuluh bil cukai tanah di PDT Kuantan dan PDT Rompin mendapati pemajak tidak membayar cukai tanah sejumlah RM1.83 juta yang sepatutnya dibayar kerana PSK telah memajak tanah tersebut kepada agensi atau syarikat swasta. Ini menyebabkan pengurangan hasil kepada Kerajaan. Butiran lanjut mengenai pemajak yang tidak membayar cukai tanah adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.11
PEMAJAK TIDAK MEMBAYAR CUKAI TANAH**

| BIL. | NO. HAK MILIK | MUKIM | CUKAI TANAH TAHUNAN (RM) | TEMPOH TUNGGAKAN CUKAI (TAHUN) | DENDA (RM) | JUMLAH KEKURANGAN HASIL (RM) |
|---------------|---------------|---------------|--------------------------|--------------------------------|------------|------------------------------|
| 1. | HSD43836 | Ulu Lepar | 41,000 | 3 | 12,300 | 135,300 |
| 2. | HSD26727 | | 16,200 | 7 | 11,340 | 124,740 |
| 3. | HSM1738 | | 9,000 | 3 | 2,700 | 29,700 |
| 4. | HSD44627 | Ulu Kuantan | 12,138 | 3 | 3,642 | 40,056 |
| 5. | PN6491 | Kuala Kuantan | 9,449 | 6 | 5,670 | 62,364 |
| 6. | HSD4639 | Rompin | 24,462 | 7 | 7,341 | 178,575 |
| 7. | HSD4092 | | 27,115 | 8 | 13,560 | 230,500 |
| 8. | HSD4093 | | 107,650 | 8 | 53,825 | 915,025 |
| 9. | HSD4692 | Keratong | 7,180 | 6 | 1,436 | 44,516 |
| 10. | HSD4693 | | 10,524 | 6 | 2,106 | 65,250 |
| JUMLAH | | | | | | 1,826,026 |

Sumber: PDT Kuantan dan PDT Rompin

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Surat telah dikemukakan oleh PTG pada 3 Mac 2017 kepada BPEN yang bertanggungjawab ke atas hak milik PSK untuk mengambil tindakan endorsan pajakan. Pihak PTG telah mendapatkan status bagi hak milik PSK daripada BPEN untuk pemantauan dan tindakan dari semasa ke semasa.

1.5.3.2. Lawatan Audit keenam lokasi yang dikenal pasti hak milik PSK bersama pegawai PDT Kuantan dan PDT Rompin mendapati perkara seperti berikut:

a. Hak Milik PN6491, Mukim Kuala Kuantan

- i. Semakan Audit terhadap data SHTB mendapati tunggakan cukai tanah PSK dari tahun 2011 hingga 2015 bagi hak milik PN6491 berjumlah RM62,364 termasuk denda. Semasa lawatan Audit terdapat 154 buah rumah nelayan terbengkalai sejak 15 tahun yang lalu di atas tanah berkeluasan 42.95 hektar. Bagaimanapun, temu bual Audit bersama kontraktor di tapak menyatakan projek tersebut diambil alih oleh kontraktor penyelamat dalam tempoh dua bulan.
- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap DHDK menyatakan syarat nyata tanah tersebut adalah satu unit bangunan kediaman sahaja bagaimanapun pihak Audit mendapati tukar syarat tanah masih belum dilaksanakan. Sebanyak 154 buah rumah nelayan yang dibangunkan seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.21

**Mukim Kuala Kuantan
- Rumah Nelayan Dibangunkan di Atas
Tanah Hak Milik PN6491
(28.11.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Hak milik ini masih kekal sebagai tanah PSK. Sehubungan itu, cukai tanah adalah dikecualikan berdasarkan APTN Bil.18/2004.

b. Hak Milik PM53, Bandar Kuantan

- i. Semakan Audit terhadap data SHTB mendapati tunggakan cukai tanah PSK dari tahun 2006 hingga 2015 bagi hak milik PM53 berjumlah RM38,146 termasuk denda. Lawatan Audit mendapati tanah berkeluasan 8,413 meter persegi telah dibangunkan dengan tiga buah blok perumahan pangsa kos rendah. Temu bual Audit bersama beberapa orang pemilik menyatakan keseluruhan unit rumah adalah berjumlah 96 unit rumah dan mereka menetap lebih kurang 38 tahun yang lalu.
- ii. Selain itu, pihak Audit mendapati pemilik rumah masih belum mendapat geran hak milik walaupun mereka telah selesai membayar semua pinjaman perumahan hampir 13 tahun yang lalu. Pemilik juga

memaklumkan bahawa mereka telah beberapa kali memohon untuk mendapatkan geran hak milik dengan pihak yang terlibat kerana ketiadaan geran menyebabkan kos penyenggaraan terpaksa ditanggung oleh pemilik rumah. Tiga buah blok perumahan pangsa yang dibangunkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.22



Bandar Kuantan
- Blok Perumahan Pangsa Bagi Hak Milik PM53
(21.12.2016)

GAMBAR 1.23



Bandar Kuantan
- Blok Perumahan Pangsa Bagi Hak Milik PM53
(21.12.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Hak milik ini masih milik PSK dan dalam proses permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) bagi mendapatkan hak milik strata. Sehubungan itu, cukai tanah adalah dikecualikan berdasarkan APTN Bil. 18/2004.

c. Hak Milik HSD26727, Mukim Ulu Lepar

- i. Semakan Audit terhadap data SHTB mendapati tunggakan cukai tanah PSK dari tahun 2009 hingga 2015 bagi hak milik HSD26727 berjumlah RM124,740 termasuk denda. Pihak Audit juga mendapati tanah tersebut telah dipajakan sejak tahun 2010 melalui satu perjanjian. Antara syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian di antara PSK dan pemajak ialah tanah tersebut hanya digunakan untuk maksud pertanian (ladang hutan).
- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap DHDK mendapati tiada maklumat mengenai pemajak. Perkara ini berlaku disebabkan PSK tidak mengemukakan Borang 15A bagi mengendors nama pemajak. Lawatan Audit mendapati tanah berkeluasan 404.69 hektar masih belum dibangunkan dan dipenuhi belukar. Keadaan tanah PSK yang telah dipajak dengan tunggakan cukai tanah tidak dijelaskan sejak tahun 2009 seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.24

Mukim Ulu Lepar
- Keadaan Tanah Hak Milik HSD26727 yang Dipajak
(28.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Hak milik ini dalam tindakan endorsan 15A oleh PSK. Merujuk perjanjian yang ditandatangani pada 14 Disember 2010, syarikat bersetuju membayar cukai bermula pada tahun 2011.

d. Hak Milik HSD4639, Mukim Rompin

- i. Semakan Audit terhadap data SHTB mendapati tunggakan cukai dari tahun 2010 hingga 2015 bagi hak milik HSD4639 berjumlah RM178,575 termasuk denda. Lawatan Audit ke lokasi berkenaan mendapati tanah berkeluasan 404.70 hektar telah dipajakkan dan diusahakan dengan tanaman kelapa.
- ii. Temu bual Audit bersama pekerja ladang berkenaan menyatakan ladang telah beroperasi sejak tahun 2008. Semakan Audit selanjutnya terhadap DHDK mendapati tiada maklumat mengenai pemajak kerana PSK tidak mengemukakan Borang 15A bagi mengendors nama pemajak. Keadaan tanah milik PSK yang telah dipajak dan diusahakan dengan tanaman kelapa seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.25

Mukim Rompin
- Tanah Hak Milik HSD4639 Dipajak dan Diusahakan
Dengan Tanaman Kelapa
(22.11.2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Hak milik ini dalam tindakan endorsan 15A. Perjanjian telah ditandatangani pada 2 April 2015 dan surat peringatan telah dikeluarkan pada 27 Februari 2017.

e. Hak Milik HSD4092 dan HSD4093, Mukim Rompin

- i. Hasil semakan Audit terhadap data SHTB mendapati tanah bagi hak milik HSD4092 yang berkeluasan 542.28 hektar merupakan tanah hak milik PSK serta telah dipajakkan. Tunggakan cukai adalah berjumlah RM257,595 dari tahun 2008 hingga 2015. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tunggakan cukai dari tahun 2008 hingga 2015 bagi hak milik HSD4093 berjumlah RM1.02 juta termasuk denda. Cukai tanah yang dikenakan adalah sejumlah RM107,650 setahun. Lawatan Audit ke lokasi berkenaan mendapati tanah tersebut berkeluasan 1,076.47 hektar telah dibangunkan dengan projek integrasi. Temu bual Audit bersama pegawai berkaitan menyatakan pembangunan projek integrasi ini bermula dari tahun 2004 yang terdiri daripada tanaman kelapa sawit dan ternakan domestik. Selain itu, tiada nama pemajak di dalam geran tersebut kerana PSK tidak mengemukakan Borang 15A bagi tujuan mengendors nama pemajak. Keadaan tanah PSK yang dipajakkan seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.26

**Mukim Rompin
- Tanah Hak Milik HSD4093 yang Telah Dipajak
(22.11.2016)**

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Semua hak milik ini dalam tindakan endorsan 15A oleh PSK. Perjanjian telah ditandatangani pada 3 September 2001 dan surat peringatan telah dikeluarkan pada 28 Februari 2017.

f. Hak Milik HSD4692, Mukim Keratong

- i. Semakan Audit terhadap fail PSK di PDT Rompin mendapati MMK yang ke 31/2009 bertarikh 7 Oktober 2009 bersetuju memberi hak milik tanah kepada PSK bagi pembangunan penternakan lembu tenusu secara komersial seluas 179.49 hektar. Semakan Audit selanjutnya terhadap data SHTB mendapati pemajak masih belum menjelaskan tunggakan cukai dan denda dari tahun 2011 hingga 2015 yang berjumlah RM44,516. Selain itu, nama pemajak telah diendors pada DHDK. Temu bual bersama penduduk di kawasan

berkenaan mendapati tiada kegiatan penternakan lembu tenusu dijalankan di kawasan tersebut. Keadaan tanah PSK yang tidak dibayar cukai tanah oleh pemajak seperti gambar berikut:



GAMBAR 1.27

Mukim Keratong
- Tanah Hak Milik HSD4692 yang Telah Dipajak
(23.11. 2016)

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Perjanjian pajakan belum ditandatangani. Sehubungan itu, cukai tanah belum dikenakan berdasarkan APTN Bil.18/2004.

Pada pendapat Audit, kutipan cukai tanah bagi tanah pajakan adalah tidak memuaskan kerana endorsan 15A lewat dilaksanakan.

1.5.4. Penyemakan Cukai Tanah

1.5.4.1. Seksyen 101, KTN menyatakan bahawa sepuluh tahun sekali semua tanah beri milik hendaklah disemak dan cukai tanah dipinda dengan kadar yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pindaan Cukai Tanah (PCT) yang terakhir dibuat pada tahun 1994 diluluskan oleh MMK yang kesepuluh pada 27 September 1995 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1994. Pada 10 Ogos 2005, Kerajaan Negeri sekali lagi membuat pindaan cukai yang diluluskan melalui MMK ke 25/2005 serta berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007 dengan melibatkan semua jenis hak milik dan diwartakan pada 16 Mac 2006.

1.5.4.2. Semakan Audit terhadap keputusan MMK dan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN) mendapati pada 6 Disember 2006 melalui MMK ke 37/2006, Kerajaan Negeri telah menangguhkan pelaksanaan PCT tersebut sehingga ke tempoh yang akan dimaklumkan kemudian tetapi ia tidak diwartakan. Bagaimanapun, PTG telah mengeluarkan APTN Bil.3/2008 pada 11 Jun 2008 untuk mengarahkan semua Pentadbir Tanah untuk menangguhkan pelaksanaan PCT 2007. Pentadbir Tanah juga dikehendaki melaksanakan remisyen cukai tanah ke atas semua hak milik tanpa mengambil kira tarikh pendaftaran hak milik.

1.5.4.3. Melalui MMK ke 16/2006 pada 17 Mei 2006 dan APTN Bil.2/2007 serta APTN Bil.1/2009, Kerajaan Negeri bersetuju pengenaan cukai tanah

dipinda kepada satu kadar cukai yang baru berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007 yang diwartakan pada 1 Mac 2007. Semua Pentadbir Tanah diarahkan untuk menggunakan kadar baru ini bagi hak milik baru, hak milik sambungan dan tukar syarat mengikut Pindaan Kaedah 22, Kaedah Tanah Pahang 1992. Bagaimanapun, APTN Bil.4/2009 pula memaklumkan Hak Milik Kekal Ganti Hak Milik Sementara dikeluarkan daripada senarai jenis hak milik baru dan sambungan yang dikenakan kadar cukai baru dan dikenakan kadar cukai lama iaitu PCT 1994.

1.5.4.4. Semakan Audit terhadap sembilan hak milik di PDT Rompin mendapati, kadar yang dikenakan tidak mengikut kadar yang sepatutnya. Sembilan hak milik ini adalah Hak Milik Kekal Ganti Hak Milik Sementara yang sepatutnya dikenakan kadar PCT 1994 (tanah bandar) mengikut APTN Bil.4/2009 tetapi pemeriksaan Audit terhadap carian rasmi dan bil cukai tanah mendapati kesemua hak milik telah dikenakan kadar cukai baru PCT 2007 (tanah bandar). Butiran lanjut mengenai hak milik dan kadar cukai yang dikenakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.12
HAK MILIK YANG DIKENAKAN KADAR
TIDAK SEPATUTNYA (KADAR BAGI TANAH BANDAR)

| BIL. | NO. HAK MILIK | KATEGORI KEGUNAAN TANAH | TEMPOH TUNGGAKAN | KADAR CUKAI SEPATUTNYA DIKENAKAN (PCT 1994) (RM) | KADAR CUKAI YANG DIKENAKAN (PCT 2007) (RM) | BEZA (RM) | PERATUS PERBEZAAN (%) |
|---------------|---------------|-------------------------|------------------|--|--|------------------|-----------------------|
| 1. | PN4064 | Bangunan | 2015-2016 | 1,220,660 | 1,918,180 | 697,520 | 57.1 |
| 2. | PN4065 | Bangunan | 2015-2016 | 284,060 | 446,380 | 162,320 | 57.1 |
| 3. | PN4066 | Bangunan | 2012-2016 | 150,500 | 236,500 | 86,000 | 57.1 |
| 4. | PN4067 | Bangunan | 2015-2016 | 226,940 | 356,620 | 129,680 | 57.1 |
| 5. | PN4068 | Pertanian | 2015-2016 | 2,217 | 2,217 | 0 | 0 |
| 6. | PN4069 | Pertanian | Tiada | 1,708 | 1,708 | 0 | 0 |
| 7. | PN17426 | Bangunan | 2012-2016 | 191,940 | 301,620 | 109,680 | 57.1 |
| 8. | PN17429 | Bangunan | 2012-2016 | 113,022 | 177,606 | 64,584 | 57.1 |
| 9. | PN17436 | Bangunan | 2011-2016 | 21,776 | 34,219 | 12,443 | 57.1 |
| JUMLAH | | | | 2,212,823 | 3,475,050 | 1,262,227 | |

Sumber: Carian Rasmi dan Bil Cukai Tanah

1.5.4.5. Pemilik tanah telah diarahkan untuk membayar semua tunggakan cukai tanah berdasarkan kadar cukai bagi tanah desa mengikut PCT 2007 sebelum membuat permohonan pengurangan bayaran cukai tanah dan tunggakan. Remisyen juga diberikan dengan mengambil kira perbezaan di antara kadar cukai bagi tanah bandar dan tanah desa mengikut PCT 2007 dan bukan PCT 1994. Perbandingan pemberian remisyen mengikut kadar PCT 2007 dan PCT 1994 mengikut kadar tanah bandar dan desa adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.13
PERBANDINGAN PEMBERIAN REMISYEN MENGIKUT PCT 2007 DAN PCT 1994

| BIL. | NO. HAK MILIK | KADAR CUKAI PCT 2007 | | REMISYEN PCT 2007 (A-B) (RM) | KADAR CUKAI PCT 1994 | | REMISYEN PCT 1994 (A-B) (RM) | PERBEZAAN REMISYEN PCT 1994 DAN PCT 2007 (RM) |
|---------------|---------------|-----------------------|---------------------|------------------------------|-----------------------|---------------------|------------------------------|---|
| | | TANAH BANDAR (A) (RM) | TANAH DESA (B) (RM) | | TANAH BANDAR (A) (RM) | TANAH DESA (B) (RM) | | |
| 1. | PN4064 | 1,918,180 | 191,818 | 1,726,362 | 1,220,660 | 122,066 | 1,098,594 | 627,768 |
| 2. | PN4065 | 446,380 | 44,638 | 401,742 | 284,060 | 28,406 | 255,654 | 146,088 |
| 3. | PN4066 | 236,500 | 23,650 | 212,850 | 150,500 | 15,050 | 135,450 | 77,400 |
| 4. | PN4067 | 356,620 | 35,662 | 320,958 | 226,940 | 22,694 | 204,246 | 116,712 |
| 5. | PN4068 | 2,217 | 1,099 | 1,118 | 2,217 | 824 | 1,393 | Tiada |
| 6. | PN4069 | 1,708 | 1,093 | 615 | 1,708 | 820 | 888 | Tiada |
| 7. | PN17426 | 301,620 | 30,162 | 271,458 | 191,940 | 19,194 | 172,746 | 98,712 |
| 8. | PN17429 | 177,606 | 17,761 | 159,845 | 113,022 | 11,302 | 101,720 | 58,125 |
| 9. | PN17436 | 34,219 | 3,422 | 30,797 | 21,779 | 2,178 | 19,601 | 11,196 |
| JUMLAH | | 3,475,050 | 349,305 | 3,125,745 | 2,212,826 | 222,534 | 1,990,292 | 1,136,001 |

Sumber: PDT Rompin

1.5.4.6. Kesan pemberian remisyen mengikut kadar PCT 2007 telah mengakibatkan kekurangan hasil sejumlah RM1.14 juta kerana jumlah remisyen yang diberikan terlalu besar. Arahan penangguhan yang tidak diwartakan dan penggunaan semula kadar PCT 2007 yang tidak seragam telah menyebabkan kekeliruan di kalangan anggota pentadbiran tanah dalam menentukan kadar cukai tanah yang sepatutnya kepada pemilik tanah.

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Satu perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan), PTG bersama wakil pihak agensi Kerajaan Negeri serta PDT Rompin telah diadakan pada 26 September 2016. Perbincangan tersebut memutuskan bagi tujuan mengangkat permohonan pengurangan kadar cukai tanah ini, agensi perlu membuat sebahagian daripada bayaran yang sepatutnya iaitu berdasarkan kadar tanah desa mengikut perkiraan melalui Warta Kerajaan No. 224/16 Mac 2007 dan KTP 3(C)(1)(b) sebelum mengangkat permohonan ini. Agensi telah menjelaskan segala bayaran mengikut kadar yang dipersetujui untuk tujuan permohonan bagi semua hak milik yang terlibat berjumlah RM2.13 juta pada 1 November 2016. PDT Rompin telah menyediakan Kertas Ringkas bagi rayuan permohonan pengurangan cukai tanah ini dan dikemukakan kepada PTG untuk pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri. PTG juga dalam tindakan pewartaan bagi penangguhan PCT 2007 dan kaedah pelaksanaannya bagi menyeragamkan tindakan pengenaan cukai dan remisyen.

Pada pendapat Audit, penyemakan kadar cukai tanah adalah tidak memuaskan kerana penangguhan kadar cukai baru tidak diwartakan.

1.5.5. Pindaan Cukai Tanah

1.5.5.1. Pengenaan Cukai Tanah Tidak Mengikut Kadar Sebenar

- a. Menurut Seksyen 101(6) KTN, sekiranya semakan cukai tanah dibuat, Pentadbir Tanah hendaklah segera meminda amaun cukai tersebut. Pada 2 Mei 2012, PTG mengeluarkan surat kepada semua Pentadbir Tanah mengenai pengenaan pindaan cukai tanah berikutan keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang diadakan pada 19 April 2012. Keputusan mesyuarat tersebut bersetuju pemakaian APTN Bil.1/2009 diubah suai dengan menetapkan bahawa hak milik sambungan dan tukar syarat dikenakan kadar kutipan cukai tahunan mengikut PCT 1994.
- b. Semakan Audit terhadap 175 bil cukai tanah hak milik sambungan di PDT Rompin bagi kawasan Desa Teratai, Bandar Muadzam Shah 1 mendapati kutipan cukai tanah adalah berdasarkan PCT 1984. Perkara ini tidak mematuhi keputusan mesyuarat yang telah ditetapkan.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati PDT Rompin juga tidak mengenakan kadar cukai tanah bandar walaupun kawasan ini telah diwartakan sebagai tanah bandar pada 24 September 1993. PDT Rompin masih menggunakan kadar cukai tanah desa PCT 1984. PDT Rompin telah memberi remisyen cukai tanah kepada 175 hak milik yang berstatus tanah bandar sejak tahun 2007. Perkara ini menyebabkan Kerajaan Negeri kekurangan hasil sejumlah RM215,244 bagi tempoh tahun 2007 hingga 2016. Kelewatan pindaan cukai tanah ini membebankan pemilik tanah kerana perlu membayar cukai tanah dan denda yang banyak dalam tempoh yang singkat. Contoh perbandingan hak milik yang sepatutnya dikenakan kadar PCT 1994 (tanah bandar) tetapi mengguna pakai kadar PCT 1984 (tanah desa) adalah seperti jadual berikut. Manakala kawasan Desa Teratai, Bandar Muadzam Shah 1 yang tidak dilaksanakan pindaan cukai tanah sejak tahun 2007 seperti gambar berikut:

**JADUAL 1.14
PERBANDINGAN KADAR CUKAI PCT 1994 DAN PCT 1984**

| BIL. | NO. HAK MILIK | KADAR YANG SEPATUTNYA DIGUNA PAKAI (PCT 1994 – TANAH BANDAR) (RM) | KADAR YANG DIGUNA PAKAI (PCT 1984 – TANAH DESA) (RM) | BEZA (RM) |
|---|---------------|---|--|-----------|
| Mukim: Bandar Muadzam Shah 1, Rompin | | | | |
| 1. | PM 8 | 240 | 20 | 220 |
| 2. | PM 15 | 226 | 20 | 206 |

| BIL. | NO. HAK MILIK | KADAR YANG SEPATUTNYA DIGUNA PAKAI (PCT 1994 – TANAH BANDAR) (RM) | KADAR YANG DIGUNA PAKAI (PCT 1984 – TANAH DESA) (RM) | BEZA (RM) |
|---|---------------|---|--|-----------|
| Mukim: Bandar Muadzam Shah 1, Rompin | | | | |
| 3. | PM 34 | 161 | 20 | 141 |
| 4. | PM 78 | 213 | 20 | 193 |
| 5. | PM127 | 178 | 20 | 158 |
| 6. | PM 140 | 249 | 20 | 229 |
| 7. | PM 144 | 216 | 20 | 196 |
| 8. | PM 165 | 252 | 20 | 232 |
| 9. | PM 208 | 232 | 20 | 212 |
| 10. | PM 241 | 192 | 20 | 172 |

Sumber: PDT Rompin

GAMBAR 1.28



*Bandar Muadzam Shah 1
- Kawasan Desa Teratai Tidak Dilaksanakan
Pindaan Cukai Tanah
(26.10. 2016)*

GAMBAR 1.29



*Bandar Muadzam Shah 1
- Kawasan Desa Teratai Tidak Dilaksanakan
Pindaan Cukai Tanah
(26.10. 2016)*

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

PTG telah mengeluarkan arahan khas pada 8 Mac 2017 berkenaan perkara ini bagi menguatkan tindakan kakitangan PDT Rompin untuk melaksanakan kutipan berdasarkan PCT 1994 (Tanah Bandar) bagi hak milik yang terlibat ini. Selain itu, pihak PTG juga dalam tindakan menyelaraskan penganan remisyen termasuklah kaedah dalam surat pentadbiran yang disebutkan di atas dengan mengangkat ke MMK dan melaksanakan pewartaan ke atas penangguhan PCT 2007 dan kaedah pelaksanaannya.

1.5.5.2. Kenaikan Taraf Kawasan Tanah Desa ke Tanah Bandar Tidak Dilaksanakan

Mengikut Seksyen 11 KTN, PBN boleh melalui pemberitahuan di warta kerajaan mengubah mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan atau mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam negeri sebagai suatu bandar atau pekan. Semakan Audit terhadap fail pewartaan di PDT Rompin mendapati Bandar Muadzam Shah 1, Rompin telah dinaikkan taraf dari kawasan tanah

desa kepada kawasan tanah bandar. Kenaikan taraf kawasan tersebut melibatkan sepuluh kawasan dengan 550 jumlah hak milik telah diwartakan melalui Pelan Warta 1962 bertarikh 24 September 1993. Hak milik yang terlibat merupakan tanah hak milik PTG. Semakan Audit selanjutnya mendapati kadar cukai tanah yang dikenakan kepada sepuluh kawasan ini masih menggunakan kadar tanah desa. Perkara ini berlaku disebabkan pemantauan yang kurang berkesan mengenai kenaikan taraf kawasan dari tanah desa ke tanah bandar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.15
KAWASAN YANG TERLIBAT DENGAN PERUBAHAN KENAIKAN TARAF**

| BIL. | KAWASAN | NO. WARTA/ TARIKH | BILANGAN HAK MILIK |
|---------------|---------------|-------------------------------|-----------------------|
| 1. | Desa Jati 1 | PW 1962/ 24 September 1993 | 75 |
| 2. | Desa Jati 2 | | 18 |
| 3. | Desa Mawar 1 | | 72 |
| 4. | Desa Mawar 2 | | 6 |
| 5. | Desa Melor | | 91 |
| 6. | Desa Anggerik | | 34 |
| 7. | Desa Kenanga | | 71 |
| 8. | Desa Tanjung | | 122 |
| 9. | Desa Dahlia | | 33 |
| 10. | Desa Cempaka | | 28 |
| JUMLAH | | | 550 |

Sumber: PTG Negeri Pahang

Maklum Balas PTG yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Pihak PDT Rompin telah mengambil tindakan menghantar surat pentadbiran bertarikh 15 Februari 2017 bersama dengan senarai hak milik yang terlibat dan salinan warta kepada PTG untuk tindakan prosedur endorsan status tanah serta perubahan cukai tanah pada daftar hak milik. Selain itu, pihak PTG juga dalam tindakan mengangkat ke MMK dan melaksanakan pewartaan ke atas penangguhan PCT 2007 dan kaedah pelaksanaannya.

Pada pendapat Audit, pindaan cukai tanah adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut kadar yang diwartakan.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan hasil cukai tanah di PTG dan PDT, pihak Audit mengesyorkan supaya melaksanakan perkara seperti berikut:

- 1.6.1. melaksanakan promosi bersesuaian kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai tanah;
- 1.6.2. penguatkuasaan dan pemantauan oleh PTG dan PDT perlu dilaksanakan terhadap pemilik tanah yang mempunyai tunggakan tinggi dan tempoh tunggakan yang lama bagi mengelakkan tunggakan cukai tanah semakin meningkat;
- 1.6.3. endorsan pajakan tanah perlu dilaksanakan dengan segera selepas perjanjian ditandatangani supaya cukai tanah dapat dikutip; dan
- 1.6.4. pindaan cukai tanah dan pewartaan penangguhan pindaan cukai perlu dibuat mengikut arahan yang ditetapkan.

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

MAJLIS DAERAH ROMPIN

2. PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Sebanyak 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pahang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Hasil utama setiap PBT adalah daripada terimaan cukai taksiran, pelesenan dan sewaan. Cukai taksiran merupakan terimaan hasil yang tertinggi di setiap PBT. Semua PBT di Negeri Pahang menggunakan kaedah asas kadaran berdasarkan nilai tahunan bagi pengiraan kenaaan cukai taksiran.

2.1.2. Cukai taksiran perlu dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 127 Akta 171 kecuali bagi harta-harta seperti tempat keagamaan yang diiktiraf, tanah-tanah perkuburan, sekolah awam dan tempat awam bagi maksud sains, sastera atau seni halus. Cukai taksiran juga dikenali dengan cukai harta atau cukai pintu ialah cukai yang dikenakan terhadap semua hartanah di dalam kawasan PBT yang merangkumi rumah kediaman, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, tanah kosong, ladang dan sebagainya.

2.1.3. Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pengurusan cukai taksiran di PBT adalah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan. Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) mempunyai keluasan kawasan perkadaran 156 kilometer (km) persegi atau 6.93% daripada 2,251 km persegi daerah Temerloh pada tahun 2016. Manakala Majlis Daerah Rompin (MDR) mempunyai keluasan kawasan perkadaran 353.06 km persegi atau 8.02% daripada 4,404.24 km persegi daerah Rompin pada tahun 2016.

2.1.4. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, cukai taksiran semasa yang dipungut adalah berjumlah RM26.80 juta bagi MPT dan RM7.48 juta bagi MDR. Manakala bilangan pegangan yang telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2016 adalah sebanyak 40,736 pegangan bagi MPT dan 8,902 pegangan bagi MDR. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1
JUMLAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA DAN BILANGAN
PEGANGAN MPT DAN MDR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

| PBT | JUMLAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SEMASA (RM Juta) | | | | BILANGAN PEGANGAN 2016 |
|-----|--|------|------|--------|---------------------------|
| | 2014 | 2015 | 2016 | JUMLAH | |
| MPT | 8.76 | 8.51 | 9.53 | 26.80 | 40,736 |
| MDR | 2.53 | 2.51 | 2.44 | 7.48 | 8,902 |

Sumber: MPT dan MDR

2.1.5. Pada tahun 2014, pengauditan pengurusan cukai taksiran telah dijalankan di Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Raub serta dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Penemuan yang dilaporkan antaranya ialah asas nilai cukai menggunakan asas nilai tahun 1992, penilaian semula kadar cukai terhadap pindaan dan tambahan bangunan tidak dibuat, prestasi kutipan tahunan dan tunggakan cukai taksiran yang tinggi serta kawasan operasi tidak menyeluruh.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan cukai taksiran telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat bagi mempertingkatkan hasil Majlis.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pengurusan cukai taksiran yang merangkumi prestasi kutipan cukai taksiran, tunggakan cukai taksiran, kerja penilaian, penguatkuasaan dan penggunaan sistem berkomputer cukai taksiran di MPT dan MDR bagi tahun 2014 hingga 2016 serta tahun-tahun sebelumnya sekiranya perlu.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit terhadap fail, laporan kewangan, rekod dan daftar serta membuat analisis terhadap pangkalan data dalam sistem berkomputer cukai taksiran. Sebanyak 118 bilangan sampel pegangan harta iaitu 3% telah dipilih daripada 4,602 bilangan pegangan harta di MPT dan MDR yang mempunyai cukai taksiran tertunggak berjumlah RM500 ke atas dan tempoh tunggakan melebihi dua tahun setakat tahun 2016. Bagi semakan Audit terhadap proses kerja penilaian hartanah, sebanyak 99 fail di MPT dan 91 fail di MDR telah dipilih. Lawatan ke beberapa pegangan seperti pegangan kediaman, perdagangan dan perindustrian dalam kawasan pentadbiran MPT dan MDR juga dilakukan bersama pegawai yang berkenaan. Borang soal selidik juga telah diedarkan kepada pengguna sistem pengurusan cukai taksiran bagi mendapatkan maklum balas.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2016 mendapati pelaksanaan pengurusan cukai taksiran di MPT dan MDR adalah memuaskan dari segi pencapaian kutipan cukai taksiran semasa, kaedah pembayaran cukai yang disediakan dan kelulusan senarai nilai. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

- i. tunggakan cukai taksiran semakin meningkat;
- ii. asas nilaian cukai taksiran masih menggunakan asas nilaian tahun 1992;
- iii. kadar cukai taksiran berbeza dengan jenis pegangan;
- iv. penguatkuasaan undang-undang ke atas tunggakan cukai seperti tindakan guaman dan penyitaan harta alih pemilik tidak dilaksanakan dengan sewajarnya;
- v. kelewatan pelaksanaan kerja penilaian; dan
- vi. pemilik hartanah bagi kategori tanah ladang, lombong dan menara telekomunikasi belum dikenakan cukai.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MPT serta MDR yang dikemukakan pada 6 Januari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran

Setiap tahun MPT dan MDR akan menetapkan anggaran hasil bagi kutipan semasa dan kutipan tunggakan cukai taksiran. Anggaran ini merupakan petunjuk prestasi pelaksanaan kutipan semasa dan tunggakan cukai taksiran. Semakan Audit terhadap prestasi kutipan cukai taksiran adalah seperti berikut:

2.5.1.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

- a. MPT dan MDR telah menyediakan anggaran dan menyasarkan kutipan cukai taksiran sebenar meningkat pada setiap tahun. Anggaran kutipan hasil cukai taksiran akan dibuat berdasarkan anggaran hasil mengikut pertambahan bilangan pegangan yang dinilai pada tahun tersebut dan berpandukan kepada kemajuan pembangunan perumahan dan pusat komersil di kawasan operasi PBT. Hasil cukai taksiran yang diperolehi akan dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan dan pembangunan kawasan operasi.
- b. Jumlah kutipan cukai taksiran sebenar bagi MPT dan MDR bagi tempoh tiga tahun dari tahun 2014 hingga 2016 berjumlah RM26.80 juta dan RM7.48 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN DI MPT DAN MDR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

| TAHUN | JUMLAH BIL | | KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PATUT DIKUTIP (RM Juta) (a) | | ANGGARAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta) | | KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN SEBENAR (RM Juta) (b) | | PERATUS KUTIPAN SEBENAR BERBANDING KUTIPAN PATUT DIKUTIP [(b)/ (a)] (%) | | BIL. PEGANGAN | |
|---------------|------------|-------|--|-------------|---|-------------|--|-------------|---|-------------|---------------|-------|
| | MPT | MDR | MPT | MDR | MPT | MDR | MPT | MDR | MPT | MDR | MPT | MDR |
| 2014 | 35,109 | 8,587 | 12.85 | 3.00 | 10.92 | 3.00 | 8.76 | 2.53 | 68.2 | 84.3 | 38,766 | 8,587 |
| 2015 | 35,518 | 8,705 | 13.23 | 3.08 | 11.05 | 3.10 | 8.51 | 2.51 | 64.3 | 81.5 | 39,543 | 8,705 |
| 2016 | 38,773 | 8,902 | 13.87 | 3.18 | 11.65 | 3.20 | 9.53 | 2.44 | 68.7 | 76.7 | 40,736 | 8,902 |
| JUMLAH | - | - | 39.95 | 9.26 | 33.62 | 9.30 | 26.80 | 7.48 | 67.1 | 80.8 | - | - |

Sumber: MPT dan MDR

Nota: Kutipan Cukai Taksiran Sebenar Tidak Termasuk Kutipan Tunggakan Cukai

- c. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 2.2** mendapati pungutan cukai sebenar oleh MPT menurun dengan kadar 3.9% pada tahun 2015 sejumlah RM8.51 juta berbanding RM8.76 juta pada tahun 2014. Namun begitu, berlaku peningkatan kutipan cukai taksiran bagi MPT dengan kadar 4.4% pada tahun 2016 iaitu sejumlah RM9.53 juta atau berbanding RM8.51 juta pada tahun 2015.
- d. Analisis Audit terhadap kutipan sebenar cukai taksiran di MDR pula mendapati berlaku penurunan dengan kadar 2.8% pada tahun 2015 kepada RM2.51 juta berbanding RM2.53 juta pada tahun 2014. Penurunan juga berlaku dengan kadar 4.8% pada tahun 2016 kepada RM2.44 juta berbanding RM2.51 juta pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran tahunan MPT adalah memuaskan dengan pencapaian purata untuk tiga tahun ialah 67.1% daripada jumlah patut dikutip bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Manakala prestasi kutipan MDR berbanding cukai taksiran patut dikutip adalah baik dengan purata untuk tiga tahun ialah 80.8% bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

2.5.1.2. Kutipan Cukai Taksiran Tidak Dapat Menampung Perbelanjaan

- a. Peranan PBT ialah menjadikan cukai taksiran sebagai penyumbang utama kepada hasil PBT. Hasil cukai taksiran MPT dan MDR merupakan penyumbang utama berbanding jumlah kutipan termasuk Caruman Bantu Kadar (CBK) dan hasil bukan cukai. Oleh itu, peningkatan tunggakan cukai taksiran memberi kesan terhadap prestasi kewangan MPT dan MDR. Cukai taksiran yang tidak dapat dikutip akan menyebabkan hasil MPT dan MDR berkurangan untuk menampung perbelanjaan mengurus bagi tahun semasa.

- b. PBT dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berhak mengenakan cukai taksiran ke atas nilai tahunan bangunan yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri atau tanah yang dirizabkan bagi maksud awam dan yang tidak diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan membayar CBK kepada MPT dan MDR mengikut jumlah pegangan.
- c. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 hasil cukai taksiran di MPT dan MDR berjumlah RM41.33 juta dan RM9.04 juta. Manakala jumlah perbelanjaan mengurus di MPT dan MDR bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 berjumlah RM75.46 juta dan RM20.21 juta. Perbandingan jumlah hasil dengan perbelanjaan mengurus MPT dan MDR bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PERBANDINGAN ANTARA JUMLAH HASIL DENGAN JUMLAH
PERBELANJAAN MENGURUS MPT DAN MDR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

| TAHUN | HASIL (RM Juta) | | | | PERATUS HASIL CUKAI TAKSIRAN KE ATAS JUMLAH HASIL (%) (c) = (a / b x 100) | PERBELANJAAN MENGURUS (RM Juta) (d) | LEBIHAN/ (KURANGAN) CUKAI TAKSIRAN KE ATAS PERBELANJAAN MENGURUS [(a) - (d)] (RM Juta) |
|------------------------------------|--------------------------------|---------------------------|-------------------------|---------------|--|--|---|
| | CUKAI TAKSIRAN AM (a) | CARUMAN BANTU KADAR | HASIL BUKAN CUKAI | JUMLAH (b) | | | |
| MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH | | | | | | | |
| 2014 | 13.20 | 1.16 | 6.67 | 21.03 | 62.8 | 23.03 | (10.66) |
| 2015 | 13.35 | 1.19 | 14.10 | 28.64 | 46.6 | 25.63 | (12.86) |
| 2016 | 14.78 | 1.17 | 11.60 | 27.55 | 53.6 | 26.80 | (12.20) |
| JUMLAH | 41.33 | 3.52 | 32.37 | 77.22 | 53.5 | 75.46 | (35.72) |
| MAJLIS DAERAH ROMPIN | | | | | | | |
| 2014 | 3.08 | 0.39 | 3.51 | 6.98 | 44.1 | 6.30 | (3.22) |
| 2015 | 3.18 | 0.42 | 25.97 | 29.57 | 10.8 | 7.16 | (3.98) |
| 2016 | 2.78 | 0.42 | 3.99 | 7.19 | 38.7 | 6.75 | (3.97) |
| JUMLAH | 9.04 | 1.23 | 33.47 | 43.74 | 20.7 | 20.21 | (11.17) |

Sumber: MPT dan MDR

- d. Berdasarkan **Jadual 2.3**, Analisis Audit mendapati cukai taksiran telah menyumbang sejumlah 62.8% pada tahun 2014, 46.6% pada tahun 2015 dan sejumlah 53.6% pada tahun 2016 kepada hasil MPT. Manakala bagi MDR, sejumlah 44.1% pada tahun 2014, 10.8% pada tahun 2015 dan sejumlah 38.7% pada tahun 2016 daripada hasil telah disumbangkan oleh cukai taksiran.
- e. Hasil Analisis Audit mendapati jumlah hasil cukai taksiran am di MPT tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus kerana mengalami pengurangan

kutipan sejumlah RM10.66 juta pada tahun 2014, RM12.86 juta pada tahun 2015 dan RM12.2 juta pada tahun 2016.

- f. Analisis Audit juga mendapati jumlah hasil cukai taksiran am di MDR tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus kerana mengalami pengurangan kutipan sejumlah RM3.22 juta pada tahun 2014, RM3.98 juta pada tahun 2015 dan RM3.97 juta pada tahun 2016.

Pada pendapat Audit, hasil kutipan cukai taksiran tahunan MPT dan MDR tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus kerana mengalami pengurangan kutipan berjumlah RM35.72 juta dan RM11.17 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

2.5.1.3. Tunggakan Cukai Taksiran Semakin Meningkat


- a. Cukai Taksiran yang gagal dibayar oleh pemilik pegangan dalam tahun semasa diambil kira sebagai tunggakan pada tahun berikutnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 MPT dan MDR mensasarkan kutipan tunggakan tahunan cukai taksiran antara RM400,000 hingga RM5.33 juta. Namun begitu kutipan sebenar tunggakan tahunan cukai taksiran bagi MPT dan MDR adalah antara RM284,368 hingga RM5.25 juta berbanding jumlah tunggakan tahunan iaitu antara RM2.27 juta hingga RM10.43 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 2.4
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DI MPT DAN MDR
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

| TAHUN | TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN | | | | | | KUTIPAN SEBENAR MELEBIHI/ (KURANG) DARIPADA ANGGARAN KUTIPAN (%) | |
|---------------|--------------------------|------------|----------------------------|------------|---------------------------|-------------|--|---------------|
| | TUNGGAKAN (RM Juta) | | ANGGARAN KUTIPAN (RM Juta) | | KUTIPAN SEBENAR (RM Juta) | | MPT | MDR |
| | MPT | MDR | MPT | MDR | MPT | MDR | | |
| 2014 | 9.30 | 2.27 | 4.90 | 0.40 | 3.78 | 0.28 | (22.9) | (30.0) |
| 2015 | 9.94 | 2.54 | 5.29 | 0.40 | 4.13 | 0.33 | (21.9) | (17.5) |
| 2016 | 10.43 | 2.39 | 5.33 | 0.40 | 5.25 | 0.34 | (1.5) | (17.5) |
| JUMLAH | 29.67 | 7.2 | 15.52 | 1.2 | 13.16 | 0.95 | (15.2) | (21.7) |


Sumber: MPT dan MDR

CARTA 2.1
PRESTASI KUTIPAN TUNGGAKAN
CUKAI TAKSIRAN MPT BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016



Sumber: MPT

CARTA 2.2
PRESTASI KUTIPAN TUNGGAKAN
CUKAI TAKSIRAN MDR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016



Sumber: MDR


- b. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 2.4** dan **Carta 2.1** mendapati kutipan tunggakan cukai MPT tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada kadar 22.9% pada tahun 2014, 21.9% pada tahun 2015 dan 1.5% pada tahun 2016.
- c. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 2.4** dan **Carta 2.2** juga mendapati MDR tidak mencapai sasaran pada kadar 30% pada tahun 2014 dan masing-masing 17.5% pada tahun 2015 dan 2016.

Pada pendapat Audit, MPT dan MDR tidak berjaya mencapai anggaran kutipan tunggakan yang disasarkan pada kadar purata untuk tiga tahun iaitu (15.2%) dan (21.7%) bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

2.5.1.4. Peningkatan Tunggakan Cukai Taksiran Terkumpul

- a. Kutipan cukai taksiran hendaklah dilakukan dengan cekap bagi mengelakkannya daripada tertunggak lama dan menyukarkan proses kutipan. Semakan Audit terhadap senarai 8,715 pegangan di MPT mendapati tunggakan cukai taksiran terkumpul setakat 31 Disember 2016 berjumlah RM10.43 juta. Manakala senarai 3,689 pegangan di MDR pula berjumlah RM2.39 juta tunggakan cukai taksiran terkumpul.
- b. Bagi tempoh pengumuran satu hingga tiga tahun, jumlah tunggakan cukai adalah RM2.69 juta di MPT dan RM0.89 juta di MDR. Tempoh pengumuran tiga hingga enam tahun adalah RM1.93 juta di MPT dan RM339,452 di MDR. Tempoh pengumuran enam hingga sepuluh tahun, jumlah cukai taksiran pula adalah RM1.47 juta di MPT dan RM460,779 di MDR. Manakala bagi pengumuran tunggakan cukai taksiran melebihi sepuluh tahun ialah RM4.34 juta di MPT dan RM0.7 juta di MDR. Butiran pengumuran tunggakan cukai taksiran adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.3
PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI
TAKSIRAN DI MPT DAN MDR SETAKAT 31 DISEMBER 2016**



Sumber: MPT dan MDR

- c. Analisis Audit terhadap **Carta 2.3** menunjukkan tunggakan cukai taksiran paling tinggi MPT adalah bagi tempoh melebihi sepuluh tahun iaitu RM4.34 juta dan yang paling rendah adalah bagi tempoh enam hingga sepuluh tahun iaitu RM1.47 juta.

- d. Analisis Audit juga mendapati tunggakan cukai taksiran paling tinggi MDR adalah bagi tempoh satu hingga tiga tahun iaitu RM0.89 juta dan yang paling rendah adalah bagi tempoh tiga hingga enam tahun iaitu RM339,452.
- e. Lawatan fizikal Audit terhadap 12 fail pegangan di MPT dan lapan fail pegangan di MDR yang mempunyai tunggakan lama mendapati premis perniagaan dan bangunan kediaman yang telah usang/tanah kosong merupakan penyumbang utama kepada peningkatan cukai taksiran. Contoh premis yang mempunyai tempoh tunggakan yang lama iaitu melebihi sepuluh tahun adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1



Batu 3 *by-Pass* Mentakab, Temerloh
- Tanah Kosong Dengan Tempoh Tunggakan Cukai
Taksiran 23 Tahun
(07.09.2016)

GAMBAR 2.2



Taman Mentakab Indah, Temerloh
- Kediaman Kosong Dengan Tempoh Tunggakan
Cukai Taksiran 35 Tahun
(07.09.2016)

GAMBAR 2.3



Jalan Sungai Kolek, Rompin
- Kediaman Usang Dengan Tempoh Tunggakan Cukai
Taksiran 12 Tahun
(12.10.2016)

GAMBAR 2.4



Jalan Penghulu Abu Bakar, Rompin
- Kediaman Dengan Tempoh Tunggakan Cukai
Taksiran 11 Tahun
(12.10.2016)

Pada pendapat Audit, kedudukan kutipan tunggakan cukai taksiran oleh MPT dan MDR adalah kurang memuaskan kerana terdapat tunggakan masing-masing berjumlah RM4.34 juta dan RM0.7 juta gagal dikutip melebihi sepuluh tahun.

2.5.2. Penguatkuasaan Undang-Undang ke Atas Tunggakan Cukai Taksiran

2.5.2.1. Seksyen 148, 150 dan 151 Akta 171 menyatakan antara tindakan perundangan yang boleh diambil terhadap individu yang gagal membayar cukai

taksiran ialah menghantar notis tuntutan (Borang E), tindakan guaman dan seterusnya tindakan penyitaan. Semakan Audit terhadap tindakan perundangan di MPT dan MDR seperti berikut:

a. Tindakan Susulan Terhadap Bil Cukai Taksiran dan Borang E yang Dikembalikan Semula

- i. Seksyen 148 Akta 171 menetapkan setiap PBT perlu mengeluarkan Borang E iaitu notis membayar tunggakan cukai taksiran. Sasaran MPT dan MDR ialah menyerahkan bil cukai taksiran kepada setiap pegangan bercukai sebelum atau pada akhir bulan Februari untuk penggal pertama dan akhir bulan Ogos untuk penggal kedua.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,798 Bil Cukai Taksiran dan Borang E bagi MPT dan 174 bagi MDR telah dikembalikan kerana pemilik pegangan telah berpindah dan alamat tidak lengkap. Pihak Audit mendapati pihak MPT dan MDR telah mengambil tindakan siasatan, tukar nama dan tukar alamat terhadap Bil Cukai Taksiran dan Borang E yang dikembalikan. Selain itu, daftar mengenai Bil Cukai Taksiran dan Borang E telah disediakan dan disenggarakan di MPT manakala bagi MDR hanya disediakan mulai penggal pertama tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.5
BILANGAN BIL CUKAI TAKSIRAN YANG DIKEMBALIKAN
SEMULA DI MPT DAN MDR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

| PBT/ TAHUN | SEBAB BIL CUKAI DAN BORANG E DIKEMBALIKAN | | | | | | JUMLAH |
|------------------------------------|---|------------|---|------------|------------|------------|--------------|
| | SUDAH PINDAH | | ALAMAT TIDAK LENGKAP DAN TIDAK DIKENALPASTI | | LAIN-LAIN | | |
| | BIL CUKAI | BORANG E | BIL CUKAI | BORANG E | BIL CUKAI | BORANG E | |
| MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH | | | | | | | |
| 2014 | 178 | 118 | 64 | 78 | 261 | 236 | 935 |
| 2015 | 103 | 45 | 31 | 25 | 125 | 144 | 473 |
| 2016 | 58 | 9 | 57 | 34 | 170 | 62 | 390 |
| JUMLAH | 339 | 172 | 152 | 137 | 556 | 442 | 1,798 |
| MAJLIS DAERAH ROMPIN | | | | | | | |
| 2016 | 42 | 27 | 28 | 43 | 13 | 21 | 174 |
| JUMLAH | 42 | 27 | 28 | 43 | 13 | 21 | 174 |

Sumber: MPT dan MDR

- iii. Berdasarkan jadual di atas sebanyak 556 Bil Cukai Taksiran dan 442 Borang E dikembalikan ke MPT adalah disebabkan rumah musnah dan tidak dituntut. Manakala bagi MDR pula, sebanyak 42 Bil Cukai Taksiran

dan 43 Borang E dikembalikan adalah disebabkan pemilik pegangan telah berpindah, alamat tidak lengkap dan tidak dikenal pasti.

b. Tindakan Guaman

- i. Mengikut Seksyen 156 Akta 171, tunggakan cukai boleh dituntut dan didakwa sebagai hutang dalam mahkamah daripada pemilik pegangan. Semakan Audit mendapati MPT telah melantik firma guaman swasta untuk memungut cukai taksiran dan mengeluarkan *notice of demand* kepada pemilik. Pada tahun 2014, sebanyak 370 *notice of demand* telah dikeluarkan kepada pemilik melibatkan jumlah tunggakan sejumlah RM1.05 juta. Sebanyak 14 kes telah dibawa ke mahkamah. Kes tersebut melibatkan jumlah tunggakan cukai sejumlah RM0.69 juta. Sehingga bulan Julai 2016, sebanyak lima kes telah selesai dengan kutipan sejumlah RM28,238 manakala sembilan kes masih dalam pelaksanaan penghakiman. Bagaimanapun, tindakan guaman telah dihentikan oleh MPT pada tahun 2015 dan 2016 disebabkan pelaksanaan kaedah *Task Force*.
- ii. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tindakan mahkamah tidak diambil ke atas pemilik walaupun mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi sejak tahun 2013 disebabkan tiada Pegawai Undang-undang ditempatkan di MDR.

c. Penyitaan Harta Alih Pemilik

- i. Mengikut Seksyen 148 Akta 171, tunggakan cukai taksiran boleh dituntut melalui perintah waran tahanan iaitu dengan menggunakan Borang F dan boleh membuat sitaan dan rampasan serta lelongan harta alih kepada pemilik yang gagal membuat bayaran tunggakan cukai taksiran. Bagaimanapun, setiap PBT perlu menyerahkan Borang E selama 15 hari terlebih dahulu sebelum Borang F dikeluarkan. Perintah Waran Tahanan itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang pegawai PBT yang dilantik dan dikenali sebagai Bailif.
- ii. Semakan Audit mendapati Bailif tidak dilantik di MPT dan tiada tindakan penyitaan harta alih terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan bagi tempoh tahun 2010 hingga September 2016. MDR juga tidak melantik Bailif dan tiada tindakan penyitaan harta alih terhadap pembayar cukai yang enggan membayar cukai.

2.5.2.2. Aktiviti penguatkuasaan undang-undang terhadap tunggakan cukai seperti tindakan guaman dan harta alih pemilik disita tidak diambil tindakan sewajarnya ke atas 60 sampel pemilik pegangan di MPT yang mempunyai tunggakan melebihi RM2,000 hingga RM0.81 juta berusia dua hingga 35 tahun.

Manakala di MDR pula melibatkan 58 pegangan yang mempunyai tunggakan melebihi RM500 hingga RM64,634 dan berusia tiga hingga 24 tahun. Didapati MPT dan MDR hanya mengambil tindakan seperti menghantar notis tuntutan, tuntutan lelongan awam, tindakan perundangan dan bayaran secara ansuran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6
TINDAKAN MPT DAN MDR KE ATAS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TINDAKAN KE ATAS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (BIL. KES) | | | | | |
|-------------------------|--|-----------------|-------------|------------------------|----------------|--------|
| | NOTIS TUNTUTAN | BAYARAN ANSURAN | PERUNDANGAN | TUNTUTAN LELONGAN AWAM | BANGUNAN ROBOH | JUMLAH |
| MPT | 39 | 7 | 4 | 10 | - | 60 |
| MDR | 29 | - | 27 | - | 2 | 58 |

Sumber: MPT dan MDR

2.5.2.3. Antara premis yang mempunyai tunggakan tinggi iaitu melebihi RM10,000 adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.5



Tindakan MPT: Tindakan Perundangan

Mentakab, Temerloh
- Tunggakan Tinggi Melebihi RM800,000
Dengan Usia Tunggakan 4 Tahun
(07.09.2016)

GAMBAR 2.6



Tindakan MPT: Tuntutan Melalui Lelongan Awam

Kawasan Perindustrian Songsang, Temerloh
- Tunggakan Tinggi Melebihi RM10,000
Dengan Usia Tunggakan 8 Tahun
(07.09.2016)

GAMBAR 2.7



Tindakan MDR: Tindakan Perundangan

Batu 4, Jalan Rompin - Endau
- Tunggakan Tinggi Melebihi RM20,000
Dengan Usia Tunggakan 4 Tahun
(12.10.2016)

GAMBAR 2.8



Tindakan MDR: Tindakan Perundangan

Kampung Pianggu, Rompin
- Tunggakan Tinggi Melebihi RM60,000
Dengan Usia Tunggakan 8 Tahun
(12.10.2016)

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap tunggakan cukai kurang memuaskan kerana tindakan guaman dan penyitaan premis pegangan tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.

2.5.3. Senarai Nilai dan Kadar

2.5.3.1. Asas Nilai Tahunan Cukai Taksiran

- a. Seksyen 137 (1) Akta 171 menetapkan PBT perlu menyediakan dan menyiapkan Senarai Nilai bagi pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar. Manakala Seksyen 137 (2) dan (3) pula menyatakan Senarai Nilai bersama dengan pindaan yang dibuat di bawah Seksyen 144 (pindaan kepada Senarai Nilai) hendaklah diteruskan berkuat kuasa sehingga ia digantikan dengan Senarai Nilai yang baharu. Senarai Nilai Baharu hendaklah disedia dan disiapkan setiap lima tahun atau satu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh PBN.
- b. Semakan Audit terhadap Senarai Nilai di MPT dan MDR mendapati Senarai Nilai Semasa yang diguna pakai adalah merupakan asas nilai yang diluluskan pada tahun 1992 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMKN) Bil. 2/1992. Setiap harta baharu juga akan dinilai menggunakan asas sewa atau data perbandingan pada tahun 1992. Pihak MPT telah melaksanakan kerja-kerja penilaian semula bagi semua pegangannya pada tahun 2000 dan 2004. Namun begitu, kerja-kerja penilaian semula tersebut tidak diangkat untuk kelulusan MMKN kerana tidak diluluskan di peringkat Mesyuarat Penuh Ahli Majlis MPT.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati, berikutan keputusan MMKN Bil. 33/2014 pada 24 Disember 2014 bersetuju supaya PBT membuat penilaian semula dan Senarai Nilai Baharu dibentangkan di MMKN untuk kelulusan dan pewartaan. Senarai Nilai Baharu akan berkuat kuasa mulai bulan Januari 2017. Berikutan itu, MPT telah menyediakan Kertas Kerja Bil. 1/2015 Cadangan Penswastaan Penilaian Semula Bagi Semua Pegangan Bercukai bertarikh Mei 2015 dengan anggaran kasar kos sejumlah RM1.8 juta untuk kelulusan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis MPT. Bagaimanapun, cadangan kertas kerja ini ditangguhkan kerana kos terlalu tinggi.

Pada pendapat Audit, asas nilai cukai taksiran kurang memuaskan kerana tidak mengikut penilaian semasa.

2.5.3.2. Kadar Cukai Taksiran Berbeza Dengan Jenis Pegangan

Keputusan MMKN Bil. 33/2014 pada 24 Disember 2014 bersetuju meluluskan kadar cukai taksiran tahun 2015 bagi seluruh PBT untuk diguna pakai dan telah dikuatkuasakan mulai bulan Julai 2015. Semakan Audit terhadap Bil Cukai Taksiran Julai 2016 mendapati data pegangan bagi 2,102 daripada 8,902 di MDR mempunyai maklumat yang tidak sepadan antara kadar cukai taksiran

dengan jenis pegangan yang menyebabkan cukai taksiran tahunan 2016 berkurang pungut berjumlah RM80,008. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
MAKLUMAT KADAR CUKAI TAKSIRAN JENIS PEGANGAN
DI MDR TIDAK SEPADAN DI SISTEM KUTIPAN CUKAI SETAKAT BULAN JULAI 2016

| BIL. | JENIS PERBEZAAN MAKLUMAT | KADAR CUKAI DIWARTAKAN PADA TAHUN 2014 (%) | KADAR CUKAI TAKSIRAN DI SISTEM (%) | BILANGAN PEGANGAN | CUKAI TAKSIRAN TAHUNAN TERKURANG PUNGUT (RM) |
|---------------|---|--|------------------------------------|-------------------|--|
| 1. | Kediaman di Mukim Keratong mengikut kawasan | 6.5, 7.5 | 5.0 | 2,030 | 66,939 |
| 2. | Pencawang Elektrik mengikut kawasan | 9.5, 9.0, 7.0, 6.0 | 8.5 | 66 | 5,345 |
| 3. | Industri | 9.5 | 8.5 | 1 | 338 |
| 4. | Perniagaan/Ruang Pejabat | 9.0 | 7.0 | 1 | 3,300 |
| 5. | Menara Telekomunikasi | 9.5 | 4.0 | 4 | 4,086 |
| JUMLAH | | | | 2,102 | 80,008 |

Sumber: MDR

Maklum Balas MDR yang Diterima Pada 6 Januari 2017

MDR telah mengambil tindakan pembetulan kadar mulai tuntutan bil bulan Januari 2017.

Pada pendapat Audit, penerapan kadar cukai taksiran adalah memuaskan kecuali kadar cukai taksiran yang dikenakan oleh MDR tidak mengikut kadar jenis pegangan yang diluluskan oleh MMKN.

2.5.4. Kerja Penilaian Hartanah

Kerja penyediaan dan penetapan nilai cukai taksiran hendaklah dilaksanakan dengan cekap bagi mempertingkatkan hasil tahunan cukai taksiran. MPT dan MDR telah menyediakan garis panduan kerja/prosedur kerja penilaian hartanah bagi kategori seperti penilaian pembangunan dirancang, penilaian ke atas pindaan/tambahan bangunan, penilaian pembangunan tanpa kelulusan pelan dan penilaian cukai taksiran ke atas tanah kosong. Semakan Audit terhadap proses kerja penilaian mendapati perkara seperti berikut :

2.5.4.1. Kerja Penilaian Pembangunan Dirancang

- a. Kerja Penilaian Pembangunan Dirancang dijalankan berdasarkan *Certificate of Fitness for Occupation (CFO)* atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* dan Pelan Bangunan bagi mendapatkan ukuran sebenar bangunan atau harta berkadar. Mengikut piagam pelanggan Jabatan

Penilaian di MPT, penilaian pegangan baharu bagi maksud cukai taksiran disediakan dalam masa 60 hari selepas lawatan CFO/CCC dijalankan. Manakala MDR tidak menetapkan tempoh masa bagi kerja penilaian pegangan baharu.

- b. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Julai 2016 sebanyak 64 dan 22 permohonan CFO/CCC oleh pemaju swasta telah diluluskan di MPT dan MDR. Semakan lanjut ke atas 40 sampel fail pegangan di MPT bagi tahun 2014 hingga 2015 mendapati penilaian dibuat dalam tempoh 48 hingga 60 hari melibatkan 19 fail dan sebanyak 21 fail dibuat dalam tempoh antara 244 hingga 306 hari.
- c. Semakan Audit di MDR pula, penilaian dibuat dalam tempoh 42 hingga 60 hari melibatkan 11 fail, lima fail dalam tempoh 61 hingga 90 hari dan sebanyak 15 fail dalam tempoh 124 hingga 210 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8
TEMPOH MASA PENILAIAN
PEMBANGUNAN DIRANCANG DARI TARIKH LAWATAN CFO/CCC**

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | BILANGAN SAMPEL PEGANGAN PENILAIAN PEMBANGUNAN DIRANCANG MENGIKUT TEMPOH MASA DARI TARIKH LAWATAN (HARI) | | | | |
|-------------------------|--|---------|---------|------|---------------|
| | 1 - 30 | 31 - 60 | 61 - 90 | > 91 | JUMLAH SAMPEL |
| MPT | - | 19 | - | 21 | 40 |
| MDR | - | 11 | 5 | 15 | 31 |

Sumber: MPT dan MDR

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penilaian pembangunan dirancang kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan melaksanakan kerja penilaian iaitu melebihi 60 hari di MPT. Manakala MDR pula tiada Piagam Pelanggan bagi kerja penilaian pembangunan dirancang ditetapkan.

2.5.4.2. Kerja Penilaian ke Atas Pindaan/Tambahan Bangunan

- a. Seksyen 143 (b) dan (c) Akta 171 menetapkan pindaan penilaian ke atas pegangan akan dibuat sekiranya berlaku sebarang perubahan terhadap pegangan tersebut seperti kerja-kerja ubahsuai, mengubah, meruntuh atau membina semula bangunan yang akan mengakibatkan nilai pegangan itu naik atau turun. Setiap pindaan dan tambahan bangunan hendaklah mendapat kelulusan PBT terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja itu boleh dilakukan. Setiap permohonan pindaan dan tambahan bangunan hendaklah dihantar ke Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap. MPT dan MDR tidak menetapkan tempoh piagam bagi kerja penilaian ke atas pindaan/tambahan bangunan.

- b. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan September 2016 mendapati 25 daripada 341 fail permohonan pindaan dan tambahan bangunan di MPT masih belum dibuat penilaian semula walaupun pindaan dan tambahan bangunan telah siap dibina.
- c. Semakan terhadap 43 daripada 133 fail permohonan di MDR pula mendapati 32 fail pegangan telah dinilai semula dalam tempoh dua hingga 217 hari daripada tarikh kelulusan pelan, manakala 11 fail tidak dinilai semula dan masih menggunakan nilai asal. Antara premis yang membuat pindaan/tambahan bangunan tetapi masih belum dinilai semula adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.9
TEMPOH MASA HARI KERJA PENILAIAN KE ATAS
PINDAAN/TAMBAHAN BANGUNAN DARI TARIKH KELULUSAN PELAN**

| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PENILAIAN DIBUAT DALAM TEMPOH DARI TARIKH KELULUSAN PELAN | | | | TIADA PENILAIAN | JUMLAH |
|-------------------------|---|---------|---------|------|-----------------|--------|
| | 1 - 30 | 31 – 60 | 61 - 90 | > 91 | | |
| MPT | - | - | - | - | 25 | 25 |
| MDR | 5 | 6 | 13 | 8 | 11 | 43 |

Sumber: MPT dan MDR

GAMBAR 2.9



Taman Rimba Permai, Temerloh
- Penambahan Ruang Bangunan Tidak Mengikut Pelan dan Belum Dinilai Semula (07.09.2016)

GAMBAR 2.10



Taman Bahagia Residence, Temerloh
- Penambahan Ruang Bangunan yang Belum Dinilai Semula (07.09.2016)

GAMBAR 2.11



Lorong Pantai Permai, Rompin
- Penambahan Ruang Bangunan yang Belum Dinilai Semula (12.10. 2016)

GAMBAR 2.12



Lorong Pantai Permai, Rompin
- Penambahan Ruang Bangunan yang Belum Dinilai Semula (12.10. 2016)

Maklum Balas Majlis yang Diterima Pada 6 Januari 2017

MPT menjelaskan penilaian semula tidak dilaksanakan sejak tahun 2014 kerana bercadang untuk menjalankan proses nilai semula ke atas semua pegangan harta. MDR pula menjelaskan sasaran kerja penilaian ke atas pindaan/tambahan bangunan dengan kelulusan untuk mengeluarkan Notis Senarai Nilai Pindaan ialah enam bulan selepas kelulusan pelan.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penilaian ke atas pindaan/tambahan bangunan kurang memuaskan kerana MPT masih belum melaksanakan kerja penilaian tersebut dan tiada Piagam Pelanggan ditetapkan. Manakala MDR pula ada melaksanakan kerja penilaian ke atas pindaan/tambahan namun begitu, tiada Piagam Pelanggan ditetapkan.

2.5.4.3. Kerja Penilaian Terhadap Pembangunan Tanpa Kelulusan Pelan

- a. Seksyen 74 (2) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) menetapkan permohonan secara bertulis hendaklah di kemukakan kepada PBT oleh pemilik bangunan untuk mengubahsuai bangunan dan binaan tertentu bersama pelan dan butiran yang dikehendaki. Seksyen 127, Akta yang sama pula menetapkan penalti atau denda akan dikenakan jika bersalah di bawah Akta ini. Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Bangunan perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemilik harta yang membuat pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan pelan bagi memastikan peraturan dipatuhi dan penilaian dapat dibuat ke atas harta tersebut. Justeru itu, koordinasi yang baik dan cekap perlu diwujudkan antara pegawai penguatkuasa di Bahagian Kawalan Bangunan dan pegawai di Bahagian Penilaian.
- b. Bahagian Kawalan Bangunan di MPT mempunyai sembilan orang pegawai Penguatkuasa yang menjalankan pemantauan khusus terhadap kawalan bangunan. Manakala, Bahagian Penguatkuasaan di MDR mempunyai 14 orang Pegawai Penguatkuasa yang menjalankan semua jenis aktiviti penguatkuasaan melibatkan lesen perniagaan, lesen premis, kawalan binatang liar dan permit penjaja. Namun begitu, aktiviti penguatkuasaan terhadap kawalan bangunan kurang dilaksanakan di MDR.
- c. Bahagian Kawalan Bangunan di MPT telah mengeluarkan notis saman kepada pemilik pegangan yang melakukan pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan pelan sebanyak 306 saman bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Semakan Audit mendapati penilaian semula tidak dibuat terhadap kesemua 30 sampel fail pegangan yang membuat pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan pada tahun 2014 di MPT. Selain itu, lawatan fizikal Audit di MPT pula mendapati empat pemilik pegangan yang

membuat pindaan dan tambahan tanpa kelulusan pelan tidak dikenakan notis saman.

- d. Bahagian Penguatkuasaan di MDR telah mengeluarkan dua notis saman kepada pemilik pegangan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 yang tidak melibatkan penilaian semula kerana tiada perubahan keluasan bangunan. Lawatan Audit mendapati 15 buah kediaman yang membuat pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan pelan di MDR tidak dikenakan notis saman. Butiran lanjut serta gambar pindaan dan tambahan bangunan tanpa kelulusan pelan yang tidak dikenakan notis saman penguatkuasa kawalan bangunan adalah seperti berikut:

JADUAL 2.10
TIADA PENILAIAN DIBUAT KE ATAS PEMBANGUNAN TANPA KELULUSAN PELAN

| PBT | NOTIS SAMAN DIKELUARKAN KE ATAS PINDAAN DAN TAMBAHAN BANGUNAN TANPA KELULUSAN PELAN | NOTIS SAMAN TIDAK DIKELUARKAN KE ATAS PINDAAN DAN TAMBAHAN BANGUNAN TANPA KELULUSAN PELAN | JUMLAH |
|---------------|---|---|-----------|
| MPT | 30 | 4 | 34 |
| MDR | 2* | 15 | 17 |
| JUMLAH | | | 51 |

Sumber: MPT dan MDR

Nota: * - Tidak melibatkan penilaian semula kerana tiada perubahan keluasan bangunan

GAMBAR 2.13



Taman Mentakab Indah, Temerloh
- Penambahan Ruang Bangunan Tanpa Kelulusan
(07.09.2016)

GAMBAR 2.14



Jalan Rimba Permai 1/5, Temerloh
- Penambahan Ruang Bangunan Tanpa Kelulusan
(07.09.2016)

GAMBAR 2.15



Taman Impiana Rompin, Rompin
- Penambahan Ruang Bangunan Tanpa Kelulusan
(12.10.2016)

GAMBAR 2.16



Taman Nusa Puteri, Rompin
- Penambahan Ruang Bangunan Tanpa Kelulusan
(12.10.2016)

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penilaian ke atas pembangunan tanpa kelulusan pelan kurang memuaskan kerana MPT dan MDR masih belum melaksanakan kerja penilaian tersebut dan tiada Piagam Pelanggan ditetapkan.

2.5.4.4. Kerja Penilaian Cukai Taksiran ke Atas Tanah yang Mendapat Kebenaran Merancang

- a. Seksyen 127 Akta 171 menjelaskan bahawa cukai taksiran dikenakan terhadap semua hartanah di dalam kawasan PBT yang merangkumi rumah kediaman, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, tanah kosong, ladang dan sebagainya.
- b. Pihak Audit mendapati MPT telah menetapkan prosedur kerja bagi penilaian cukai taksiran ke atas tanah yang mendapat Kebenaran Merancang dan melaksanakan kerja penilaian melibatkan 201 fail pegangan pada tahun 2016. MDR tidak melaksanakan penilaian cukai taksiran ke atas tanah yang mendapat Kebenaran Merancang dan tiada prosedur kerja ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penilaian cukai taksiran ke atas tanah yang mendapat Kebenaran Merancang adalah memuaskan di MPT kerana kerja penilaian telah dilaksanakan. Manakala penilaian cukai taksiran ke atas tanah yang mendapat Kebenaran Merancang di MDR adalah kurang memuaskan kerana tidak melaksanakan kerja penilaian tersebut dan tiada prosedur kerja ditetapkan.

2.5.5. Pemilik Hartanah Belum Dikenakan Cukai

2.5.5.1. Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran atau cukai pintu adalah selaras dengan peruntukan Akta 171 di bawah Seksyen 127 yang membolehkan PBT mengenakan kadar ke atas pegangan-pegangan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran PBT.

2.5.5.2. Kawasan MPT dibahagikan kepada dua iaitu Kawasan Operasi dan Kawasan Kawalan. Luas Kawasan Operasi yang dikenakan cukai taksiran dan perkhidmatan diberikan ialah 156 km persegi. Luas Kawasan Kawalan yang telah diwartakan (tidak dikenakan cukai taksiran dan tidak diberi perkhidmatan tetapi mengenakan kawalan terhadap cadangan aktiviti pembangunan) ialah 1,442 km persegi.

2.5.5.3. Keluasan kawasan MDR adalah 4,044.24 km persegi melalui pelan warta PW 3536 termasuk Kawasan Operasi iaitu kira-kira 353.06 km persegi berkuat kuasa 1 Januari 2002. Dengan pewartaan ini maka seluruh daerah

Rompin adalah di bawah pentadbiran MDR. Peluasan kawasan adalah meliputi seluruh daerah Rompin kecuali Pulau Tioman diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman.

2.5.5.4. Pihak Audit mendapati MPT dan MDR masih belum mengenal pasti pemilik hartanah yang boleh dikenakan cukai taksiran mengikut kategori tertentu seperti pemilik tanah ladang, lombong dan menara telekomunikasi. Sebanyak 29 pemilik tanah ladang di daerah Temerloh tidak dikenakan cukai taksiran. Selain itu, MPT juga belum mengenal pasti dua pemilik lombong. Sebanyak 17 permohonan membina menara telekomunikasi pada tahun 2014 hingga Jun 2016 juga masih belum dikenakan cukai taksiran di MPT.

2.5.5.5. Manakala MDR hanya mengenakan cukai taksiran terhadap 67 pemilik pegangan seperti direkodkan dalam sistem e-PBT. Rekod ini berbeza dengan Pejabat Tanah dan Galian yang menunjukkan sebanyak 364 pemilik tanah ladang di daerah Rompin. Selain itu, MDR juga belum mengenal pasti enam pemilik lombong di daerah Rompin.

Maklum Balas Majlis yang Diterima Pada 6 Januari 2017

Kedua-dua Majlis menjelaskan tanah lombong yang terdapat di daerah Temerloh dan Rompin sudah tidak aktif dan sekiranya dikenakan cukai taksiran akan meningkatkan tunggakan cukai taksiran. MPT juga memaklumkan bahawa penilaian tanah ladang sedang dilaksanakan secara berperingkat di daerah Temerloh. MDR juga menjelaskan pada tahun 2005, 67 pemilik tanah ladang telah dikenakan cukai melibatkan keluasan tanah 4,206 hektar berdasarkan penilaian mengikut pemilikan setiap satu yang mempunyai lot hak milik yang berbeza-beza keluasannya dan tuntutan dibuat menggunakan satu bil tuntutan sahaja. Oleh itu, hanya 18 pemilik tanah ladang belum dikenakan cukai di daerah Rompin.

Pada pendapat Audit, pengenaan cukai taksiran terhadap pemilik hartanah seperti tanah ladang, lombong dan menara telekomunikasi kurang memuaskan kerana MPT dan MDR masih belum mengenal pasti pemilik yang berpotensi dikenakan cukai taksiran.


2.5.6. Maklum Balas Soal Selidik Pengguna Sistem Pengurusan Cukai Taksiran

2.5.6.1. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 50 borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas pengguna sistem yang terdiri daripada kakitangan Majlis dan sebanyak 78% atau 39 borang soal selidik telah memberi maklum balas. MPT menggunakan Sistem Bersepadu Majlis bagi memudahkan

pengurusan cukai taksiran. Analisis Audit terhadap maklum balas borang soal selidik di MPT mendapati 68% responden menyatakan keberkesanan sistem adalah kurang memuaskan. Sebanyak 100% responden bersetuju kekerapan gangguan sistem berlaku kurang daripada enam kali sebulan manakala 43% responden berpendapat latihan berkaitan sistem tidak mencukupi.

2.5.6.2. MDR pula telah menggunakan Sistem e-PBT bagi memudahkan pengurusan cukai taksiran. Analisis Audit terhadap maklum balas responden terhadap maklum balas borang soal selidik di MDR mendapati 100% responden menyatakan keberkesanan sistem yang digunakan adalah kurang/tidak memuaskan, 36% responden bersetuju kekerapan gangguan sistem berlaku kurang dari enam kali sebulan manakala 100% responden berpendapat latihan berkaitan sistem tidak mencukupi. Selain itu, maklum balas responden menyatakan Laporan Sistem e-PBT tidak dapat dijana dan dicetak melibatkan Laporan Harian/Bulanan/Tahunan dan Laporan Cek/Tunai. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 2.4
MAKLUM BALAS TERHADAP KEBERKESANAN
PENGUNAAN SISTEM PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN**



Sumber: Borang Soal Selidik Jabatan Audit Negara

2.5.6.3. Selain itu, didapati tiada sistem dibangunkan bagi pengurusan penilaian di MPT dan MDR. Pengurusan penilaian masih dilakukan secara manual walaupun bilangan pegangan meningkat setiap tahun. MPT hanya menggunakan *Microsoft Word* manakala MDR pula menggunakan *Microsoft Excel* bagi pengurusan penilaian.

Maklum Balas MDR yang Diterima Pada 6 Januari 2017

MDR memaklumkan bahawa penggunaan sistem e-PBT yang diguna pakai masih tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya kerana beberapa masalah masih tidak boleh diselesaikan oleh pihak vendor.

Pada pendapat Audit, keberkesanan sistem pengurusan cukai yang digunakan oleh MPT dan MDR adalah kurang memuaskan kerana kegagalan sistem menjana laporan tertentu dan berlaku kekerapan gangguan sistem.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hasil cukai taksiran dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan MPT dan MDR mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.6.1. mengambil inisiatif untuk mengurangkan cukai taksiran terkumpul dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah untuk memastikan tunggakan cukai taksiran dibayar sebelum berlakunya pindah hak milik tanah. Selain itu, Majlis perlu mengemas kini/menghapuskan bil maklumat premis kediaman yang usang berdasarkan maklumat bil utiliti seperti elektrik atau air;

2.6.2. menilai semula asas penilaian dan kadar cukai taksiran perlu dilaksanakan supaya cukai taksiran yang dikenakan bersesuaian dengan keadaan semasa;

2.6.3. memastikan pemantauan sewajarnya ke atas pengenaan kadar cukai taksiran mengikut jenis pegangan yang diwartakan;

2.6.4. mengambil tindakan yang lebih berkesan dan proaktif termasuk tindakan undang-undang seperti penyitaan premis terhadap pemilik pegangan yang enggan membayar tunggakan cukai taksiran;

2.6.5. memastikan kerja penilaian pembangunan dirancang, penilaian pembangunan tanpa kelulusan pelan, penilaian terhadap pindaan/tambahan bangunan serta penilaian ke atas tanah yang mendapat kebenaran merancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. PBT perlu tetapkan tempoh masa piagam pelanggan bagi setiap proses kerja penilaian; dan

2.6.6. mengenal pasti pemilik hartanah yang berpotensi dikenakan cukai taksiran seperti kategori tanah ladang, tanah lombong dan menara telekomunikasi berdasarkan maklumat daripada Pejabat Daerah dan Tanah.

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

3. MUIP URUS SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. MUIP Urus Sdn. Bhd. (MUSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Julai 2011. Syarikat ini mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM7.32 juta. Objektif MUSB adalah melaksanakan fungsi MUIP dalam menguruskan aktiviti perhotelan milik MUIP berlandaskan ciri-ciri Islam serta aktiviti lain yang diarahkan oleh MUIP. Aktiviti utama MUSB adalah mengendalikan Hotel Darul Makmur Jerantut dan Darul Makmur Lodge Kuantan, menguruskan stesen minyak, sewaan lima lot bangunan asrama milik MUIP di BIM Point, Kuantan dan penyediaan tiket kapal terbang untuk MUIP/Agensi Kerajaan.

3.1.2. MUSB diterajui oleh dua orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Timbalan Yang Dipertua MUIP dan Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan MUIP. Manakala pengurusan MUSB juga diketuai oleh Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan MUIP dan dibantu oleh 72 orang pegawai dan kakitangan. Pengurusan MUSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta *Standard Operating Procedures* syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat MUSB adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat MUSB meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Manakala pengauditan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat meliputi tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan dijalankan di pejabat MUSB dan tiga aktiviti syarikat telah disemak iaitu pengendalian urusan perhotelan, pengurusan stesen minyak dan sewaan asrama. Selain itu, lawatan Audit ke Hotel Darul Makmur Jerantut, Darul Makmur Lodge Kuantan, asrama dan stesen minyak milik MUIP juga telah dijalankan.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan juga turut diadakan. Selain itu, analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013 hingga 2015 dan data syarikat telah dijalankan. *Exit conference* telah diadakan pada 23 Januari 2017 yang dipengerusikan oleh Pengarah Audit Negeri Pahang dan dihadiri oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan MUSB.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November hingga Disember 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.42 juta, RM1.05 juta dan RM421,411. Selain itu, kerugian terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM4.54 juta. Pengurusan aktiviti kurang memuaskan walaupun selaras dengan objektif penubuhan dan amalan tadbir urus korporat adalah tidak memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:

- i. prestasi jualan bilik Hotel Darul Makmur Jerantut bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing hanya berjumlah RM553,442 (66.4%), RM679,924 (78.7%) dan RM772,137 (87.2%);
- ii. MUSB tidak menetapkan sasaran tahunan sewaan asrama MUIP dan tidak menyenggara peralatan serta kemudahan asrama; dan
- iii. kedua-dua ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah bukan bebas dan komposisi ini tidak selaras dengan amalan terbaik Buku Hijau.

3.5.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan MUSB, analisis trend daripada aspek pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi serta analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

3.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi

- a. Pendapatan utama MUSB adalah daripada aktiviti perhotelan, stesen minyak, sewa asrama MUIP dan ejen jualan tiket penerbangan. Pada tahun 2013, pendapatan MUSB berjumlah RM2.01 juta dan menurun sejumlah RM161,143 kepada RM1.84 juta pada tahun 2014. Faktor penurunan ini adalah disebabkan pendapatan daripada aktiviti perhotelan menyusut

sejumlah RM320,834 kepada RM1.44 juta berbanding tahun 2013. Pada tahun 2015, pendapatan telah meningkat sejumlah RM7.06 juta kepada RM8.90 juta. Faktor peningkatan tersebut adalah daripada pendapatan perniagaan stesen minyak yang mula beroperasi berjumlah RM5.93 juta, pendapatan perhotelan berjumlah RM689,813 dan penyediaan serta penjualan tiket kapal terbang kepada MUIP/Agensi Kerajaan berjumlah RM233,364. Selain itu, MUSB menerima sumbangan sejumlah RM131,175 daripada MUIP. Butiran lanjut seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.


- b. Perbelanjaan MUSB terdiri daripada kos jualan serta perbelanjaan pentadbiran dan operasi. Perbelanjaan pada tahun 2013 berjumlah RM3.43 juta dan menurun sejumlah RM535,075 kepada RM2.89 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, pada tahun 2015 meningkat sejumlah RM6.43 juta kepada RM9.32 juta. Antara faktor peningkatan perbelanjaan adalah kos jualan bagi stesen minyak sejumlah RM6 juta dan pembelian tiket kapal terbang untuk dijual kepada MUIP/Agensi Kerajaan berjumlah RM159,443. Selain itu, peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan operasi antaranya gaji kakitangan berjumlah RM117,883, belanja pelbagai berjumlah RM30,989 dan belanja keraian berjumlah RM16,093. Butiran lanjut seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.
- c. MUSB mengalami kerugian sebelum cukai tiga tahun berturut-turut bagi tahun 2013 hingga 2015. Kerugian sebelum cukai pada tahun 2013 berjumlah RM1.42 juta telah menurun sejumlah RM373,932 (26.1%) kepada RM1.05 juta pada tahun 2014. Pada tahun 2015, kerugian menurun sejumlah RM626,738 (60.0%) kepada RM421,411. Keadaan ini menjadikan kerugian terkumpul MUSB meningkat tiga tahun berturut-turut daripada RM3.07 juta pada tahun 2013 kepada RM4.12 juta dan RM4.54 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Butiran lanjut seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.2**.

JADUAL 3.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN KERUGIAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015


| BUTIRAN | 2013 | 2014 | 2015 |
|--------------------------------------|---------------|---------------|---------------|
| | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| Pendapatan | 1.98 | 1.84 | 8.77 |
| Kos Jualan | (1.96) | (1.50) | (7.74) |
| Keuntungan Kasar | 0.02 | 0.34 | 1.03 |
| Lain-Lain Pendapatan | 0.03 | 0.00 | 0.13 |
| Perbelanjaan Pentadbiran Dan Operasi | (1.47) | (1.39) | (1.58) |
| Kerugian Sebelum Cukai | (1.42) | (1.05) | (0.42) |
| Cukai | - | - | - |
| Kerugian Selepas Cukai | (1.42) | (1.05) | (0.42) |
| Kerugian Terkumpul | (3.07) | (4.12) | (4.54) |

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



CARTA 3.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI
DAN KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

3.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Hasil analisis bagi empat nisbah kewangan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

| NISBAH SEMASA | TAHUN | ASET SEMASA (RM Juta) [a] | LIABILITI SEMASA (RM Juta) [b] | NISBAH SEMASA [a/b] |
|---------------|-------|---------------------------|--------------------------------|---------------------|
| | 2013 | 0.14 | 0.92 | 0.15:1 |
| 2014 | 0.93 | 1.07 | 0.87:1 | |
| 2015 | 0.93 | 1.18 | 0.79:1 | |

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat.

Bagi tahun 2013 hingga 2015, kadar kecairan MUSB adalah tidak memuaskan iaitu pada kadar 0.15:1, 0.87:1 dan 0.79:1 masing-masing. Ini menunjukkan bagi tempoh tersebut, kemampuan aset semasa MUSB untuk menampung liabiliti jangka pendek adalah rendah dan tahap kecairan kewangan yang dicatatkan bagi tahun 2015 menurun berbanding tahun 2014.

| MARGIN UNTUNG BERSIH | TAHUN | KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a] | JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) [b] | MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100 |
|----------------------|--------|--|---------------------------------|--------------------------------------|
| | 2013 | (1.42) | 2.01 | (70.6) |
| 2014 | (1.05) | 1.84 | (57.1) | |
| 2015 | (0.42) | 8.90 | (4.7) | |

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik.

MUSB mengalami kerugian selepas cukai pada tahun 2013 hingga 2015 menyebabkan berlakunya margin untung bersih yang negatif. Dalam tempoh tersebut, margin untung bersih yang direkodkan adalah -70.6%, -57.1% dan -4.7% masing-masing. Ini menunjukkan pendapatan yang dijana oleh MUSB masih belum dapat menghasilkan keuntungan kepada syarikat.

| PULANGAN ATAS ASET | TAHUN | KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a] | JUMLAH ASET (RM Juta) [b] | PULANGAN ATAS ASET (%) [a/b] x 100 |
|--------------------|--------|---|------------------------------|---------------------------------------|
| | 2013 | (1.42) | 4.00 | (35.5) |
| 2014 | (1.05) | 4.27 | (24.6) | |
| 2015 | (0.42) | 3.96 | (10.6) | |

Nisbah pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Pulangan atas aset yang direkodkan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan iaitu pada -35.5%, -24.6% dan -10.6% masing-masing. Walaupun mencatatkan peningkatan dalam pulangan, secara keseluruhannya, MUSB masih tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimilikinya bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

| PULANGAN ATAS EKUITI | TAHUN | KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a] | JUMLAH EKUITI (RM Juta) [b] | PULANGAN ATAS EKUITI (%) [a/b] x 100 |
|----------------------|--------|---|--------------------------------|---|
| | 2013 | (1.42) | 3.07 | (46.3) |
| 2014 | (1.05) | 3.20 | (32.8) | |
| 2015 | (0.42) | 2.78 | (15.1) | |

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Pulangan atas ekuiti bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan iaitu pada kadar -46.3%, -32.8% dan -15.1% masing-masing. Secara keseluruhannya, MUSB tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang sewajarnya.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

3.5.1.3. Analisis Aliran Tunai

- Penyata Aliran Tunai memberi maklumat mengenai keupayaan syarikat dalam menjana atau menggunakan aliran tunai daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan serta penggunaannya untuk menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

| BUTIRAN | 2013 (RM Juta) | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) |
|---|----------------|----------------|----------------|
| Tunai Bersih Yang Dijana Dalam Operasi | (0.36) | (0.81) | 0.32 |
| Tunai Bersih Yang (Diguna) Dalam Aktiviti Pelaburan | 0.27 | 1.16 | (0.22) |
| Tunai Bersih Yang Dijana Dalam Aktiviti Pembiayaan | - | - | - |
| Pertambahan/(Pengurangan) Tunai Dan Kesetaraan Tunai | (0.09) | 0.34 | 0.09 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 0.11 | 0.02 | 0.36 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 0.02 | 0.36 | 0.45 |

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

- b. Analisis Audit bagi tahun 2013 hingga 2015 menunjukkan tunai yang dijana dalam aktiviti operasi adalah negatif pada tahun 2013 dan 2014 serta positif pada tahun 2015 dengan catatan masing-masing RM364,424, RM814,351 dan RM318,394. Aliran keluar tunai yang semakin meningkat pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh pendahuluan yang diterima daripada syarikat berkaitan dan juga pengurangan inventori. Bagaimanapun, peningkatan aliran masuk tunai pada tahun 2015 menunjukkan keupayaan MUSB menjana tunai yang diperlukan dalam operasi harian syarikat. Selain itu, analisis Audit terhadap aliran tunai daripada aktiviti pelaburan menunjukkan tunai yang dijana adalah positif pada tahun 2013 dan 2014 serta negatif pada tahun 2015 dengan catatan masing-masing RM270,444, RM1.16 juta dan RM224,925. Pada tahun 2015, aliran tunai daripada aktiviti pelaburan menunjukkan tunai yang dijana adalah negatif disebabkan pertambahan dalam hartanah, loji dan peralatan.
- c. Aliran tunai MUSB adalah berbaki positif bagi tiga tahun berturut-turut dengan catatan masing-masing RM17,449, RM359,599 dan RM453,068. Aliran tunai tertinggi dicatatkan pada tahun 2015 berdasarkan tunai bersih yang dijana daripada aktiviti operasi, pertambahan tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM93,469 serta juga tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun. Peningkatan dalam tunai dan kesetaraan tunai pada setiap tahun menunjukkan MUSB mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai perniagaannya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai tiga tahun berturut-turut mengakibatkan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2015 berjumlah RM4.54 juta. Namun begitu, kerugian sebelum cukai semakin berkurangan dari tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, kesemua nisbah kewangan tidak menunjukkan prestasi kewangan yang baik. Bagaimanapun, aliran tunai MUSB berbaki positif bagi tempoh tiga tahun berturut-turut menunjukkan syarikat mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai perniagaannya.

3.5.2. Pengurusan Aktiviti

MUSB menjalankan aktiviti perhotelan, pengurusan stesen minyak, sewaan asrama dan ejen jualan tiket kapal terbang. Semakan Audit dijalankan terhadap tiga aktiviti utama MUSB iaitu pengendalian urusan perhotelan, pengurusan stesen minyak dan sewaan asrama.

3.5.2.1. Pengurusan Hotel Majlis Ugama Islam Pahang

MUSB telah dilantik oleh MUIP untuk mengurus hotel miliknya iaitu Hotel Darul Makmur Jerantut (HDM) dan Darul Makmur Lodge Kuantan (DML) mulai tahun 2011. HDM mempunyai 39 bilik yang meliputi empat jenis bilik iaitu *Superior, Deluxe, Junior Executive dan Executive*. Manakala DML pula mempunyai 25 bilik yang meliputi enam jenis bilik iaitu *Single, Standard, Superior, Deluxe, Family dan Suite*.

a. Prestasi Jualan Bilik

- i. MUSB telah membuat sasaran jualan bilik bagi HDM iaitu berjumlah RM833,560 pada tahun 2014, RM864,080 pada tahun 2015 dan RM885,500 pada tahun 2016. Manakala sasaran jualan bilik bagi DML adalah sejumlah RM300,000 setiap tahun. Sasaran jualan bilik bagi HDM dibuat berdasarkan pendapatan yang dijangka dapat dikutip dari jualan bilik setiap tahun manakala sasaran jualan bilik bagi DML dibuat dengan amaun yang sama setiap tahun supaya hotel sentiasa beroperasi dalam keadaan untung.
- ii. Semakan Audit mendapati jualan bilik HDM bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2014, jualan bilik adalah berjumlah RM553,442 (66.4%) berbanding sasaran dan bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing meningkat 12.3% dan 8.5% kepada RM679,924 (78.7%) dan RM772,137 (87.2%).
- iii. Semakan Audit terhadap prestasi jualan bilik DML mendapati jualan bilik bagi tahun 2014 berjumlah RM358,111 (119.4%) berbanding sasaran tetapi menurun 7.3% dan 26.0% kepada RM336,412 (112.1%) dan RM258,397 (86.1%) masing-masing pada tahun 2015 dan 2016. Analisis Audit mendapati jualan bilik HDM bagi tahun 2014 hingga 2016 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun, prestasi jualan bilik DML pada tahun 2014 dan 2015 melebihi jumlah pendapatan yang disasarkan kecuali jualan bilik pada tahun 2016 seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.4
PRESTASI JUALAN BILIK HDM DAN DML BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

| PERIHAL | HDM | | | DML | | |
|----------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) |
| Sasaran Jualan Bilik | 0.83 | 0.86 | 0.89 | 0.30 | 0.30 | 0.30 |
| Jualan Bilik Sebenar | 0.55 | 0.68 | 0.77 | 0.36 | 0.34 | 0.26 |
| Pencapaian (%) | 66.4 | 78.7 | 87.2 | 119.4 | 112.1 | 86.1 |

Sumber: Bajet dan Penyata Kewangan Terperinci Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

Maklum Balas MUSB yang Diterima Pada 25 Januari 2017

Prestasi jualan bilik HDM dipengaruhi oleh situasi semasa kedatangan pelancong ke negeri Pahang yang puratanya tidak mencapai 50%.

Pada pendapat Audit, prestasi jualan bilik HDM bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan manakala prestasi jualan bilik DML adalah memuaskan bagi tahun 2014 dan 2015 tetapi jualan tahun 2016 tidak mencapai sasaran ditetapkan.

- iv. Prestasi jualan bilik tersebut turut mempengaruhi pendapatan keseluruhan HDM bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masing yang hanya berjumlah RM1.09 juta, RM1.34 juta dan RM1.47 juta. Komposisi pendapatan keseluruhan HDM mengikut pecahan aktiviti bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.5
PENDAPATAN HDM MENGIKUT
PECAHAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

| AKTIVITI | PECAHAN PENDAPATAN MENGIKUT TAHUN | | | | | |
|-----------------------------|-----------------------------------|------------|-------------------|------------|-------------------|------------|
| | 2014 (RM Juta) | % | 2015 (RM Juta) | % | 2016 (RM Juta) | % |
| Bilik | 0.55 | 50.5 | 0.68 | 50.8 | 0.77 | 52.6 |
| Makanan & Minuman/ Dapur | 0.14 | 12.8 | 0.15 | 11.2 | 0.17 | 11.5 |
| Seminar & Jamuan | 0.28 | 25.7 | 0.28 | 20.9 | 0.32 | 21.7 |
| Tepian Darul Makmur | 0.11 | 10.1 | 0.20 | 14.9 | 0.21 | 14.2 |
| Tiket Kapal Terbang | 0.01 | 0.9 | 0.03 | 2.2 | - | - |
| JUMLAH | 1.09 | 100 | 1.34 | 100 | 1.47 | 100 |

Sumber: Penyata Kewangan Terperinci Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

- v. Jumlah pendapatan ini tidak dapat menampung perbelanjaan sebenar HDM berjumlah RM2.08 juta, RM2.05 juta dan RM2.07 juta masing-masing pada tahun 2014, 2015 dan 2016 menyebabkan kerugian masing-masing berjumlah RM998,441, RM706,416 dan RM591,621 bagi tempoh yang sama. Seterusnya, prestasi jualan bilik DML juga mencatatkan trend yang sama seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
JUMLAH KERUGIAN HDM DAN DML BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

| PERIHAL | HDM | | | DML | | |
|------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) |
| Sasaran Pendapatan | 2.58 | 2.02 | 1.93 | 0.30 | 0.30 | 0.30 |
| Pendapatan Sebenar | 1.09 | 1.34 | 1.47 | 0.36 | 0.34 | 0.28 |
| Pencapaian (%) | 42.2 | 66.3 | 76.0 | 119.4 | 112.1 | 92.7 |
| Perbelanjaan Sebenar | 2.08 | 2.05 | 2.06 | 0.49 | 0.46 | 0.49 |
| JUMLAH KERUGIAN | (0.99) | (0.71) | (0.59) | (0.13) | (0.12) | (0.21) |

Sumber: Bajet dan Penyata Kewangan Terperinci Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

Maklum Balas MUSB yang Diterima Pada 25 Januari 2017

Kerugian HDM dan DML disebabkan kos operasi, pembaikan hotel dan kenaikan dalam harga bahan mentah makanan.

b. Pengurusan Aset

- i. Aset/Stok yang telah dibeli hendaklah digunakan bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Manakala aset/stok yang disimpan dengan baik di tempat yang selamat dan sesuai dapat memberi perlindungan dan penjagaan supaya tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mengelakkan daripada berlaku kehilangan. Lawatan Audit di stor penyimpanan HDM mendapati *iron board* yang telah dibeli pada 2012 tidak digunakan manakala tilam tidak disusun dengan teratur seperti **Gambar 3.1**. Selain itu, aksesori mandian seperti syampu dan *lotion* tidak disimpan di tempat yang sesuai dan selamat.



GAMBAR 3.1

Hotel Darul Makmur Jerantut
- *Iron Board* Yang Tidak Digunakan
(23.11.2016)

Maklum Balas MUSB yang Diterima Pada 25 Januari 2017

Iron board tersebut adalah sebagai gantian sekiranya yang lain rosak. Pihak housekeeping telah menyusun tilam dengan lebih teratur manakala aksesori mandian yang ditempatkan sementara di bawah

tangga telahpun dipindahkan ke bilik stor yang baru bersama-sama dengan aksesori housekeeping yang lain.

- ii. Lawatan Audit mendapati kerusi dan katil yang telah rosak tidak dilupuskan dan masih diletakkan di kawasan hotel seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.2



Hotel Darul Makmur Jerantut
- Kerusi Rosak Tidak Dilupuskan
(23.11.2016)

GAMBAR 3.3



Hotel Darul Makmur Jerantut
- Katil Yang Patah
(23.11.2016)

Maklum Balas MUSB yang Diterima Pada 25 Januari 2017

Aset-aset yang rosak kini dalam proses pelupusan oleh pihak syarikat.

3.5.2.2. Pengurusan Stesen Minyak

- a. Pada tahun 2014, MUIP telah melantik MUSB untuk menguruskan perniagaan stesen minyak dan mula beroperasi pada bulan April 2015. MUSB menetapkan sasaran jualan bulanan bahan api yang meliputi RON 95, RON 97 dan Diesel bagi tahun 2015 adalah sebanyak 274 kiloliter (kl) sebulan. Sasaran tersebut dibuat berdasarkan kepada jualan maksima bulanan pengendali stesen minyak terdahulu. Manakala bagi tahun 2016 pula, MUSB mensasarkan jualan sebanyak 400 kl sebulan berdasarkan prestasi jualan bahan api bulanan tahun 2015.
- b. Lawatan Audit mendapati keadaan stesen minyak adalah memuaskan di mana kawasan sekeliling adalah bersih dan kemudahan yang disediakan boleh digunakan. Analisis Audit mendapati prestasi jualan bahan api pada tahun 2015 adalah di antara 76.3% hingga 141.4%. Manakala prestasi jualan pada tahun 2016 di antara 94.3% hingga 115.1%. Kuantiti jualan yang disasarkan dan kuantiti jualan sebenar bahan api bagi tempoh bulan April 2015 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
PENCAPAIAN JUALAN BAHAN API BAGI TEMPOH BULAN APRIL 2015 HINGGA 2016

| BULAN | 2015 | | | 2016 | | |
|-----------|--------------|-----------------|----------------|--------------|-----------------|----------------|
| | SASARAN (KL) | PENCAPAIAN (KL) | PENCAPAIAN (%) | SASARAN (KL) | PENCAPAIAN (KL) | PENCAPAIAN (%) |
| Januari | - | - | - | 400 | 407.4 | 101.9 |
| Februari | - | - | - | 400 | 377.3 | 94.3 |
| Mac | - | - | - | 400 | 429.7 | 107.4 |
| April | 274 | 209.0 | 76.3 | 400 | 431.0 | 107.8 |
| Mei | 274 | 313.9 | 114.6 | 400 | 440.2 | 110.0 |
| Jun | 274 | 283.3 | 103.4 | 400 | 394.7 | 98.7 |
| Julai | 274 | 334.2 | 122.0 | 400 | 452.0 | 113.0 |
| Ogos | 274 | 343.5 | 125.4 | 400 | 460.3 | 115.1 |
| September | 274 | 345.1 | 125.9 | 400 | 454.3 | 113.6 |
| Oktober | 274 | 380.5 | 138.9 | 400 | 471.1 | 117.8 |
| November | 274 | 367.2 | 134.0 | 400 | 428.2 | 107.1 |
| Disember | 274 | 387.3 | 141.4 | 400 | 425.9 | 106.5 |

Sumber: Laporan Bulanan Bahanapi Stesen Minyak PETRON, MUIP

Pada pendapat Audit, pengurusan stesen minyak adalah baik.

3.5.2.3. Pengurusan Asrama Pelajar Milik MUIP

MUSB dilantik menguruskan lima lot bangunan kedai pejabat milik MUIP mulai bulan September 2013. Bangunan tersebut dijadikan asrama pelajar dan telah disewakan kepada pelajar Kolej Pahang Skill Development Centre (PSDC). Asrama tersebut mampu menempatkan sebanyak 220 katil pelajar pada satu masa dan kadar sewa bulanan yang ditetapkan bagi seorang pelajar ialah RM120 seorang.

a. Sasaran Sewaan Asrama

Semakan Audit mendapati MUSB tidak menyediakan sasaran sewaan asrama bagi mengoptimumkan pendapatan aktiviti sewaan. Berdasarkan perkiraan Audit, MUSB mampu memperoleh pendapatan tahunan berjumlah RM316,800 jika kesemua 220 katil tersebut disewa sepanjang tahun. Analisis Audit mendapati pendapatan sewaan asrama MUIP bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM146,656 (46.3%), RM218,760 (69.0%) dan RM229,920 (72.6%) seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
PRESTASI PENDAPATAN SEWAAN
ASRAMA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

| PERIHAL | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) |
|--|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pendapatan Sewaan Asrama Mampu Disasar | 0.32 | 0.32 | 0.32 |
| Pendapatan Sewaan Asrama Sebenar | 0.15 | 0.22 | 0.23 |
| Pencapaian (%) | 46.3 | 69.0 | 72.6 |

Sumber: Penyata Kewangan Terperinci Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

Nota: Berdasarkan perkiraan Audit

b. Penyenggaraan Peralatan dan Kemudahan Asrama

Bangunan asrama dan peralatan perlu disenggarakan secara berkala bagi mengelakkan kerosakan, menjimatkan kos pembaikan dan mencapai jangka hayat aset. Setiap unit asrama dilengkapi dengan katil dua tingkat, tilam dan almari serta kemudahan bilik air. Lawatan Audit mendapati tingkap rosak dan tercabut, kerosakan pintu bilik dan pintu loker serta kebocoran tangki di bilik air. Keadaan asrama adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.4



Asrama MUIP
- Tingkap Rosak
(21.12.2016)

GAMBAR 3.5



Asrama MUIP
- Tingkap Tercabut
(21.12.2016)

GAMBAR 3.6



Asrama MUIP
- Pintu Bilik Rosak
(21.12.2016)

GAMBAR 3.7



Asrama MUIP
- Pintu Loker Rosak
(21.12.2016)



GAMBAR 3.8

**Asrama MUIP
- Tangki Bilik Air Bocor
(21.12.2016)**

Maklum Balas MUSB yang Diterima Pada 25 Januari 2017

Kerosakan tingkap, pintu bilik dan pintu loker adalah disebabkan oleh pelajar yang tinggal di asrama itu tidak menjaga peralatan dengan baik. MUIP telah berulang kali membaiki kemudahan seperti pintu bilik, tombol, pintu loker dan tangki air tetapi kerosakan masih berulang.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan pengurusan aktiviti MUSB adalah kurang memuaskan walau pun selaras dengan objektif penubuhan. Prestasi jualan bilik hotel HDM hanya mencapai 66.4%, 78.7% dan 87.2% bagi tahun 2014, 2015 dan 2016. Selain itu, MUSB tidak menetapkan sasaran sewaan asrama MUIP dan peralatan serta kemudahan asrama juga tidak disenggarakan dengan baik.

3.5.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal selia syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat MUSB mendapati perkara seperti berikut:

3.5.3.1. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

- a. Mengikut amalan terbaik Buku Hijau Perenggan 1.1.3, Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak terlibat dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, satu per tiga keahlian Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Sekiranya Pengerusi yang dilantik bukan bebas, majoriti ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Perenggan 1.1.4 juga menyatakan Lembaga Pengarah perlu dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.

Pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas, berwibawa dan berpengalaman luas serta memiliki kepakaran industri yang tidak terhad kepada MUSB bertujuan memberi impak dan keberkesanan terhadap hala tuju dan tadbir urus MUSB.

- b. Semakan Audit mendapati hanya dua orang ahli Lembaga Pengarah dilantik iaitu Timbalan Yang Dipertua MUIP dan Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan MUIP di mana seorang ahli terlibat secara langsung dalam urusan harian operasi syarikat. Kedua-dua ahli Lembaga Pengarah adalah bukan bebas dan merupakan pegawai badan induk.
- c. Menurut amalan terbaik Buku Hijau Perenggan 2.1, mesyuarat Lembaga Pengarah disarankan diadakan sekurang-kurangnya enam hingga lapan kali setahun. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah MUSB tidak diadakan secara kerap. Bagaimanapun, semakan terhadap minit mesyuarat mendapati laporan prestasi kewangan dan strategi pemasaran telah dibentangkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah. Ke kerapannya mesyuarat Lembaga Pengarah MUSB bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
KEKERAPAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH MUSB

| TAHUN | BILANGAN MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT |
|-------|--------------------|------------------|
| 2014 | 1/2014 | 31.3.2014 |
| 2015 | 1/2015 | 20.4.2015 |
| 2016 | 1/2016 | 18.1.2016 |
| | 2/2016 | 31.3.2016 |

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

3.5.3.2. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam

- a. Menurut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam hendaklah ditubuhkan bagi meningkatkan kawalan terhadap syarikat demi menjaga kepentingan pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa untuk menilai pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar syarikat dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji sistem perakaunan efektif dan memeriksa penyata kewangan syarikat.
- b. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit tidak diwujudkan di MUSB. MUSB menggunakan Unit Audit Dalam badan induk. Bagaimanapun semakan selanjutnya mendapati pengauditan terhadap MUSB bagi tahun 2013 hingga 2015 tidak dijalankan oleh Unit Audit Dalam badan induk.

3.5.3.3. Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama

- a. Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan panjang. Rancangan tersebut hendaklah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati MUSB tidak mempunyai rancangan korporat dan petunjuk prestasi utama bagi mengukur prestasi syarikat dalam mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Bagaimanapun, MUSB hanya menyediakan strategi pemasaran bagi HDM, DML dan stesen minyak yang dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.10
MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH MUSB**

| TAHUN | BILANGAN MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT |
|-------|--------------------|------------------|
| 2013 | 1/2013 | 3.4.2013 |
| 2014 | 1/2014 | 31.3.2014 |
| 2015 | 1/2015 | 20.4.2015 |
| 2016 | 1/2016 | 18.1.2016 |

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

3.5.3.4. Garis Panduan dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati MUSB menyediakan prosedur kewangan. Manakala bagi HDM dan DML pula masing-masing ada menyediakan Manual Prosedur Kerja yang lengkap. Manual ini juga diguna pakai bagi memantapkan lagi pengurusan dan operasi harian hotel.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat MUSB adalah tidak memuaskan kerana Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dibuat secara berkala, komposisi Lembaga Pengarah yang tidak bebas, tidak mempunyai kepakaran daripada luar serta pengauditan dalaman tidak pernah dilaksanakan dan rancangan korporat yang lengkap juga tidak disediakan. Selain itu, Jawatankuasa Audit juga tidak diwujudkan dan Unit Audit Dalam Badan Induk juga tidak menjalankan pengauditan.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan MUIP Urus Sdn. Bhd. (MUSB) mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

3.6.1. mengenal pasti faktor kerugian perniagaan yang berterusan dan menyusun strategi berkesan untuk mengatasinya. Selain itu, menetapkan sasaran bagi sewaan asrama dan menyenggara peralatan serta kemudahan asrama secara berkala;

3.6.2. melantik ahli Lembaga Pengarah yang bebas daripada sektor swasta/korporat yang berkeelayakan dan berpengalaman dalam bidang perniagaan untuk turut menyumbang kepada prestasi syarikat; dan

3.6.3. mempraktikkan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat bagi mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

4.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2016, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
USAHA PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

| BIL. | JABATAN | KETERANGAN PENAMBAHBAIKAN |
|------|--|---|
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | <ol style="list-style-type: none">Mewujudkan senarai semak dan prosedur berkaitan proses sebut harga dan tender bagi tujuan kawalan dalaman.Mengadakan Bengkel Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan.Mengadakan semakan pra audit di bahagian yang terlibat mengikut elemen pengauditan yang dijalankan. |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri | <ol style="list-style-type: none">Tatacara pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 96(a) berkaitan mengeluarkan wang untuk dibahagi-bahagikan.Tatacara pelaksanaan rekupmen panjar wang runcit secara <i>electronic fund transfer</i> (EFT) dalam usaha mempercepatkan proses bayaran dan meminimumkan penggunaan cek. |

Sumber: Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

4.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

4.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, elemen pengurusan kewangan yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, elemen yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

4.3.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007 dengan memberi penarafan empat bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan cemerlang daripada empat bintang kepada lima bintang mulai tahun 2015 kepada Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang cemerlang seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI

| MARKAH KESELURUHAN (%) | TAHAP | PENARAFAN |
|------------------------|------------------|---|
| 90 - 100 | Cemerlang |  |
| 80 - 89.9 | Baik |  |
| 70 - 79.9 | Memuaskan |  |
| 60 - 69.9 | Kurang Memuaskan |  |
| 59.9 ke bawah | Tidak Memuaskan |  |

Sumber: Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2016

4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

4.4.1. struktur dan sistem kawalan dalaman terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;

4.4.2. pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

4.4.3. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan wajib dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri, iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2016, pengauditan telah dijalankan di 16 Jabatan/Agensi Negeri iaitu 15 Jabatan/Agensi berdasarkan pusingan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen kewangan dan rekod berkaitan bagi tahun 2016 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, analisis dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Beraudit Tahun 2015 bagi menentukan kedudukan prestasi penyata kewangan Agensi Negeri. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan semakan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan untuk perakuan pengesahan maklumat yang diperolehi daripada semakan Audit. Jabatan/agensi Negeri yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3
JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT**

| BIL. | JABATAN/AGENSI |
|--------------------------------|--|
| JABATAN | |
| 1. | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 2. | Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan |
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Rompin |
| 5. | Jabatan Agama Islam Pahang |
| 6. | Jabatan Perhutanan Negeri Pahang |
| PIHAK BERKUASA TEMPATAN | |
| 1. | Majlis Perbandaran Bentong |
| 2. | Majlis Perbandaran Kuantan |
| 3. | Majlis Daerah Cameron Highlands |
| 4. | Majlis Daerah Pekan |
| 5. | Majlis Daerah Rompin |
| 6. | Majlis Daerah Lipis |
| BADAN BERKANUN NEGERI | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang |
| 2. | Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang |
| 3. | Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang |
| 4. | Perbadanan Muzium Negeri Pahang |

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut lapan elemen utama seperti berikut:

4.6.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam serta Pengurusan Sumber Manusia seperti berikut:

4.6.1.1. Struktur Organisasi

Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana ditetapkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas mengikut Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, AP 11, 69 dan 101; dan
- c. perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi sepertimana kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.

4.6.1.2. Sistem dan Prosedur

Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. proses kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. senarai tugas bagi setiap pegawai disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- c. pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut; dan

- d. pemeriksaan mengejut mengikut AP 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan sahaja secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan dan pentadbiran ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap PTJ supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Negeri. 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa, bermesyuarat setiap tiga bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Jawatankuasa Audit

Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah selaras dengan ketetapan dalam 1PP PS 3.2. Pekeliling tersebut antara lain menetapkan penubuhan dan keahlian Jawatankuasa; pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun; membincangkan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam; membentangkan Laporan Unit Audit Dalam atau Laporan Jabatan Audit Negara dan mengemukakan sesalinan minit mesyuaratnya ke Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Jabatan/Agensi hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan yang diambil oleh pihak pengurusan, menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Jabatan/Agensi, membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

4.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

4.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap enam kriteria utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan viremen/pindah peruntukan, pemantauan, pelaporan dan analisis bajet mengenainya seperti berikut:

4.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2014 (Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Bajet Tahun 2015 Dan 2016). Perjanjian Program bagi tahun kewangan 2015 dan 2016 yang

kemas kini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari 15 Jun 2015. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

4.6.2.3. Kelulusan Viremen/Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemaskinikan akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

4.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-

kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

4.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

4.6.2.6. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada 31 Disember 2008 kepada semua Pegawai Pengawal supaya memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat. Oleh itu, pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 adalah berkaitan.

4.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/ hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap penggunaan pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

4.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, keselamatan semasa kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

4.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

4.6.3.4. Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

4.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

4.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah

yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

4.6.4.1. Perancangan Perolehan

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

4.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh empat bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke-13/2014 yang bersidang pada 30 April 2014 menetapkan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

4.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

4.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

4.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi had kuasa berbelanja, pengasingan tugas bayaran, daftar bil, kawalan dalaman proses bayaran, pengurusan bayaran pukal, pengurusan Panjar Wang Runcit dan pembayaran di bawah AP 58(a) serta AP 59.

4.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

4.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pendahuluan Diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan WP 9.3;
- b. Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1;
- c. Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2; dan

- d. Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.3.

4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, Pengurusan Akaun Deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4.6.7. Pengurusan Aset dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

4.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

4.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan

Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

4.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan serta pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi:

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan;
- b. aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum; dan
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi dua tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan mengikut 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6.

4.6.7.5. Penyenggaraan

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak

swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi mengikut 1PP AM 2.5.

4.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

4.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyediakan dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan

hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh dua bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

4.6.8.1. penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan;

4.6.8.2. penggunaan kenderaan pegawai gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang diluluskan;

4.6.8.3. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan;

4.6.8.4. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad; dan

4.6.8.5. kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butiran penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

4.6.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

4.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu

diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan; dan

4.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan

Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang Bil. 12 Tahun 2008, menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ia bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.


4.7. PENEMUAN AUDIT

4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

4.7.1.1. Pada tahun 2016, sebanyak 16 Jabatan/Agensi Negeri termasuk Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri telah diaudit iaitu 15 Jabatan/Agensi Negeri mengikut pusingan tiga tahun sekali, manakala satu Jabatan diaudit setiap tahun. Hasil pengauditan mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah menurun sedikit di mana 12 daripada 16 atau 75% Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit mencapai tahap **Cemerlang** berbanding 13 daripada 17 atau 76.5% Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2015. Tiada Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap **Baik** pada tahun 2016 berbanding tiga pada tahun 2015. Manakala, tiga Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap **Memuaskan** dan satu Agensi Negeri memperoleh tahap **Kurang Memuaskan**.

4.7.1.2. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Pada tahun 2016, tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi lima Jabatan Negeri yang diaudit mengikut lapan kawalan utama adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.2
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT
LAPAN KAWALAN UTAMA BAGI LIMA JABATAN YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Berikut adalah hasil analisis Audit terhadap pematuhan pengurusan kewangan bagi lima Jabatan tersebut:
- i. bagi Kawalan Pengurusan, empat Jabatan mencatat tahap **Cemerlang** dan satu Jabatan mencapai tahap **Baik**;
 - ii. kesemua lima Jabatan mendapat tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Bajet;
 - iii. bagi Kawalan Perbelanjaan, tiga Jabatan berada pada tahap **Cemerlang** dan dua Jabatan berada pada tahap **Baik**;
 - iv. dua Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang** bagi Pengurusan Perolehan dan masing-masing satu Jabatan berada pada tahap **Baik** dan **Memuaskan**. Manakala satu Jabatan memperoleh tahap **Kurang Memuaskan** kerana jadual pelaksanaan khusus untuk tender dan sebut harga tidak disediakan, perancangan perolehan tahunan tidak disediakan mengikut format yang ditetapkan, perolehan kenderaan berjumlah melebihi RM20,000 setahun tidak dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan, rekod pembelian terus tidak disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, perolehan melebihi RM50,000 hingga


RM500,000 tidak dibuat secara sebut harga, Pembuka Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis, *Integrity Pact* tidak dilaksanakan dalam proses sebut harga dan tender serta daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggara;

- v. bagi Kawalan Terimaan, empat Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** dan satu Jabatan pada tahap **Baik**;
- vi. dari segi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, empat Jabatan berada di tahap **Cemerlang** dan satu Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kelemahan yang ditemui adalah Buku Akaun Utama Deposit tidak disediakan, Penyata Penyesuaian Akaun Amanah tidak disediakan dan dihantar ke Akauntan Negeri, senarai baki deposit akhir tahun tidak dikemukakan ke Akauntan Negeri dan deposit yang tidak dituntut tidak diwartakan;
- vii. dalam Pengurusan Aset dan Stor, tiga Jabatan mendapat tahap **Cemerlang** dan masing-masing satu Jabatan berada pada tahap **Baik** dan **Memuaskan**; dan
- viii. Pengurusan Kenderaan mencatatkan empat Jabatan berada pada tahap **Cemerlang** dan satu Jabatan pada tahap **Tidak Memuaskan** kerana Pegawai Kenderaan tidak dilantik secara bertulis, perbezaan bacaan odometer antara Buku Log dan kenderaan, tiada bukti semakan oleh Pegawai Kenderaan di penyata kad inden dan di penyata KSBTTR, *SmartTAG* tidak direkodkan sebagai inventori Kerajaan dan penyenggaraan kenderaan tidak direkodkan dalam Buku Log Kenderaan.

4.7.2.2. Agensi Negeri

- a. Pada tahun 2016, hasil semakan Audit terhadap lapan elemen kawalan pengurusan kewangan terhadap sepuluh Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT
KAWALAN UTAMA BAGI SEPULUH AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Dua Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pelaburan Dan Pinjaman

b. Berikut adalah hasil analisis Audit terhadap pematuhan pengurusan kewangan bagi sepuluh Agensi tersebut:

- i. enam Agensi mendapat tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Pengurusan manakala satu Agensi mencapai tahap **Baik** dan dua Agensi mencapai tahap **Memuaskan**. Manakala satu lagi Agensi memperoleh tahap **Kurang Memuaskan** dalam kawalan ini kerana Manual Prosedur Kerja dan senarai tugas tidak disediakan dengan lengkap, JPKA tidak bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan manakala Jawatankuasa Audit hanya bermesyuarat satu kali sahaja pada tahun pengauditan;
- ii. sembilan Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dalam Kawalan Bajet dan satu Agensi berada di tahap **Memuaskan**;
- iii. bagi Kawalan Perbelanjaan, dua Agensi berada pada tahap **Cemerlang** dan tujuh Agensi lain mencapai tahap **Baik**. Manakala satu Agensi mencapai tahap **Tidak Memuaskan** kerana baucar bayaran tidak dicatatkan Kod Akaun, perolehan yang melibatkan jumlah melebihi RM20,000 bagi setiap jenis item setahun dibuat melalui pembelian terus, had kuasa berbelanja yang ditetapkan tidak selaras dengan baucar bayaran yang diluluskan dan Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;

- iv. tahap pencapaian **Cemerlang** dicapai oleh tujuh Agensi dalam Kawalan Terimaan manakala tiga Agensi memperoleh tahap **Memuaskan**;
- v. enam Agensi memperoleh tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit dan dua Agensi memperoleh tahap **Kurang Memuaskan**. Dua Agensi lagi berada pada tahap **Tidak Memuaskan** kerana Daftar Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggara. Manakala senarai terperinci pertaruhan ahli untuk Akaun Deposit tidak diselenggara dengan lengkap;
- vi. tiga Agensi mendapat tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Aset dan Stor manakala masing-masing tiga Agensi mencapai tahap **Baik** dan tahap **Memuaskan**. Sementara itu, satu Agensi memperoleh tahap **Tidak Memuaskan** kerana keahlian JKPAK tidak dipatuhi dan JKPAK tidak bermesyuarat mengikut agenda yang ditetapkan, Laporan Eksekutif dan Ringkasan Laporan Tahunan tidak disediakan, aset diterima oleh pegawai selain daripada Pegawai Penerima, pendaftaran aset tidak dapat disahkan dalam tempoh dua minggu kerana maklumat tidak lengkap, aset tidak dilabelkan Hak Milik, pengeluaran barang-barang stor adalah tidak teratur, pemeriksaan stok dan pemverifikasi stor tidak dijalankan, penggunaan kenderaan tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan, Buku Log dan Buku Rekod Penggunaan KSBTTR tidak diselenggara dengan lengkap dan proses pelupusan serta kehilangan tidak dilaksanakan mengikut pekeliling yang ditetapkan;
- vii. bagi Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman, tujuh Agensi mencapai tahap **Cemerlang** manakala satu Agensi memperoleh tahap **Baik**. Dua Agensi lagi tidak berkaitan dengan kawalan tersebut; dan
- viii. lapan Agensi telah mencapai tahap **Cemerlang** bagi elemen Pengurusan Penyata Kewangan manakala dua Agensi berada di tahap **Memuaskan**.

4.7.2.3. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

Elemen kawalan pengurusan kewangan yang diaudit bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah ditambah daripada sembilan kawalan kepada sepuluh kawalan. Hasil analisis terhadap pematuhan pengurusan kewangan mendapati Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri memperoleh tahap **Cemerlang** untuk Kawalan Bajet, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Terimaan dan Kawalan Penyata Kewangan. Empat Kawalan memperoleh tahap **Baik** iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Perolehan, Kawalan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Kawalan Aset dan Stor. Kawalan Pelaburan dan Pinjaman memperoleh tahap **Memuaskan**. Manakala Kawalan Kenderaan memperoleh tahap **Kurang Memuaskan** kerana Buku Log,


Buku Rekod Pergerakan Kad Inden, Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KBSTTR tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, penyata pembelian bahan api dan penyata penggunaan KBSTTR tidak disemak oleh Pegawai Kenderaan pada setiap bulan serta penyenggaraan kenderaan tidak direkodkan dalam Buku Log Kenderaan.

4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri/Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

4.7.3.1. Analisis Audit terhadap satu Jabatan/Agensi Negeri yang dilaksanakan pengauditan setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2016 menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Pahang masih kekal pada tahap **Cemerlang** pada tahun 2016, bagaimanapun menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun sebelumnya.

4.7.3.2. Analisis perbandingan tahap prestasi bagi tempoh dua kali pengauditan iaitu tahun 2012/2013 dan 2016 terhadap 15 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan mengikut pusingan tiga tahun sekali mendapati lapan Jabatan/Agensi Negeri telah meningkat tahap prestasi pengurusan kewangan masing-masing antara 1.1% hingga 48.4%. Manakala, lapan Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Daerah Cameron Highlands, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Lipis dan Jabatan Agama Islam Pahang telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.2% hingga 10.7%. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2016 berbanding pengauditan sebelumnya adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.4
KEDUDUKAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN SEBELUMNYA



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.8. PENGAUDITAN MENGEJUT

4.8.1. Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan

diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan mengejut di 15 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil daripada pengauditan mengejut yang dijalankan mendapati satu Jabatan/Agensi iaitu Perbadanan Stadium Darul Makmur telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan. Manakala, 14 Jabatan/Agensi lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara ketidakpatuhan yang ditemui di 14 Jabatan/Agensi adalah seperti **Jadual 4.4**. Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

JADUAL 4.4
PENEMUAN AUDIT HASIL PENGAUDITAN MENGEJUT BAGI TAHUN 2016

| BIL. | JABATAN/AGENSI | PENEMUAN AUDIT |
|------|---------------------------------------|---|
| 1. | Mahkamah Rendah Syariah Daerah Maran | <ul style="list-style-type: none"> a. Panjar Wang Runcit <ul style="list-style-type: none"> i. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak diselenggarakan. b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i> <ul style="list-style-type: none"> i. Stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem. c. Peti Besi <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak bercantum dengan kerangka bangunan. |
| 2. | Mahkamah Rendah Syariah Daerah Rompin | <ul style="list-style-type: none"> a. Daftar Pemeriksaan Mengejut <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. ii. Hasil pemeriksaan mengejut yang telah dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan. |
| 3. | Mahkamah Rendah Syariah Daerah Chenor | <ul style="list-style-type: none"> a. Wang Kutipan Hasil <ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i> <ul style="list-style-type: none"> i. Terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan. c. Peti Besi <ul style="list-style-type: none"> i. Dua orang pegawai yang bertanggungjawab memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. |
| 4. | Majlis Perbandaran Temerloh | <ul style="list-style-type: none"> a. Wang Kutipan Hasil <ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan lengkap. iii. Baki stok Borang Hasil tidak sama dengan baki fizikal. b. Pelaburan <ul style="list-style-type: none"> i. Sijil Pelaburan tidak disimpan di dalam peti besi. c. Peti Besi <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga. ii. Peti besi tidak dipertanggungjawabkan kepada dua orang pegawai untuk memegang anak kunci dan kod kombinasi. d. Daftar Pemeriksaan Mengejut <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. ii. Hasil pemeriksaan mengejut yang telah dilakukan tidak direkodkan dengan lengkap. e. Kawalan Perbelanjaan <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat bil dalam tangan tidak dicap 'tarikh terima' bagi tujuan pemantauan bayaran. ii. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan kemas kini. iii. Buku Vot tidak dicetak dan disemak oleh pegawai penyelia. f. Hal-hal Lain <ul style="list-style-type: none"> i. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak disemak dan ditandatangani oleh pegawai penyelia. ii. Daftar/Senarai Sijil Simpanan Tetap tidak disemak dan ditandatangani oleh pegawai penyelia. |

| BIL. | JABATAN/AGENSI | PENEMUAN AUDIT |
|------|--|--|
| 5. | Jabatan Kerja Raya Daerah Rompin | <p>a. Kawalan Terimaan</p> <p>i. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal.</p> |
| 6. | Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuantan | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/ penyata pemungut.</p> <p>ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</p> <p>iii. Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</p> <p>b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Baki setem pada Daftar Setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>c. Kawalan Perbelanjaan</p> <p>i. Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dibuk/cap "TELAH BAYAR".</p> |
| 7. | Pejabat Pertanian Bukit Goh | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan.</p> <p>ii. Tiada tandatangan perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</p> |
| 8. | Pejabat Pertanian Daerah Rompin | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Kutipan tidak direkodkan dalam Buku Tunai dengan segera.</p> <p>ii. Terdapat wang kutipan tidak dimasukkan ke bank dengan segera.</p> <p>b. Kawalan Perbelanjaan</p> <p>i. Terdapat Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu.</p> |
| 9. | Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut.</p> <p>ii. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</p> <p>iii. Baki stok Borang Hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.</p> <p>b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem.</p> <p>ii. Terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> |
| 10. | Pejabat Hutan Daerah Bentong | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</p> <p>b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Terimaan dan pengeluaran mesin <i>franking</i> tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>c. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <p>i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.</p> <p>d. Kawalan Perbelanjaan</p> <p>i. Terdapat baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.</p> <p>ii. Tiada bukti semakan dibuat terhadap Daftar Bil.</p> |
| 11. | Pejabat Daerah dan Tanah Pekan | <p>a. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>b. Peti Besi</p> <p>i. Pegawai yang memegang kunci peti besi tidak diberi kuasa.</p> <p>c. Kawalan Perbelanjaan</p> <p>i. Surat penurunan kuasa tidak diperbaharui terhadap pegawai yang baru ditempatkan untuk menyedia dan menyemak dokumen berkaitan baucar bayaran.</p> |

| BIL. | JABATAN/AGENSI | PENEMUAN AUDIT |
|------|---|--|
| 12. | Perpustakaan Awam Daerah Pekan | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan.</p> <p>b. Panjar Wang Runcit</p> <p>i. Jumlah had apungan Panjar Wang Runcit tidak ditetapkan.</p> <p>ii. Wang rekupmen dimasukkan ke dalam akaun bank Ketua Perpustakaan Daerah. Tiada maklumat daripada Ibu Pejabat terhadap rekupmen yang dibayar.</p> <p>c. Peti Besi</p> <p>i. Pegawai yang memegang kunci kabinet peti besi tidak diberi kuasa.</p> <p>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <p>i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.</p> |
| 13. | Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan | <p>a. Wang Kutipan Hasil</p> <p>i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan dengan segera bagi setiap terimaan.</p> <p>ii. Terdapat wang kutipan tidak dimasukkan ke bank dengan segera.</p> <p>iii. Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan Resit Rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</p> <p>b. Wang Untuk Dibahagi-bahagikan</p> <p>i. Tiada semakan bulanan dibuat oleh pegawai penyelia terhadap daftar pembayaran.</p> <p>c. Perwakilan Kuasa</p> <p>i. Surat perwakilan kuasa bagi pegawai yang menerima kutipan tidak disediakan.</p> <p>d. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Penerimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>e. Peti Besi</p> <p>i. Surat penurunan kuasa daripada Ketua Jabatan yang baharu masih belum dikeluarkan.</p> |
| 14. | Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang Cawangan Daerah Kuantan | <p>a. Wang Untuk Dibahagi-bahagikan</p> <p>i. Baki wang agihan berbeza dengan baki senarai penerima.</p> <p>ii. Baki wang agihan tidak dimasukkan ke bank dalam tempoh 21 hari daripada tarikh cek/EFT.</p> <p>iii. Tiada bank draf/slip bayar masuk bank/penyata pemungut dikemukakan bagi membuktikan bahawa baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun.</p> <p>b. Setem Pos/Mesin <i>Franking</i></p> <p>i. Terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.</p> <p>c. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <p>i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.</p> |

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.9. SYOR AUDIT

Berdasarkan sampel yang diaudit, secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri termasuk Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri pada tahun 2016 menunjukkan sedikit penurunan. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri/Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri mengambil tindakan berikut:

4.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang

dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun;

4.9.2. memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Jabatan/Pejabat sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan supaya kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan;

4.9.3. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi;

4.9.4. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan

4.9.5. penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.



Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

**Putrajaya
19 Mei 2017**



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

| Tel : +603 8889 9000

| Faks : +603 8888 9721